



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENDIDIKAN MORAL

SEKOLAH KEBANGSAAN TAHUN 5

KAMI DATANG!



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
KSSR
(SEMAKAN 2017)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PENDAHULUAN		v
UNIT 1 KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN	Keunikan Masyarakatku	2
	Ajaran Agama Tunjang Masyarakat	4
	Ajaran Agama Mesti Diamalkan	6
	Amalan Murni, Masyarakat Harmoni	7
	Mari Uji Diri	8
UNIT 2 BAIK HATI	Penyeri Jiwa Masyarakat	10
	Sukarelawan Idola Saya	12
	Berasa Simpati Bantuan Diberikan	13
	Projek Khidmat Masyarakat	14
	Budayakan Sikap Baik Hati	16
	Penyepit Buat Insan yang Baik Hati	17
Mari Uji Diri	18	
UNIT 3 BERTANGGUNGJAWAB	Kehijauan Alam Tanggungjawab Bersama	20
	Tanggungjawab Dilaksanakan, Tugas Sempurna	22
	Pangsapuri Kita, Tanggungjawab Kita	24
	Tanggungjawab Wujudkan Keselesaan	25
	Sikap Bertanggungjawab Dicontohi Masyarakat	26
	Mari Uji Diri	28
UNIT 4 BERTERIMA KASIH	Hargai Jasa dan Sumbangan	30
	Hargai Sumbangan Masyarakat Sekampung	32
	Kisah Penghargaan	33
	Elakkan Pengabaian Penghargaan	34
	Jasa yang Dihargai	35
	Amalan Menghargai Perlu Dihayati	36
	Mari Uji Diri	38
UNIT 5 HEMAH TINGGI	Pupuk Amalan Berbudi Pekerti Mulia	40
	Adab Sopan Cerminan Diri	42
	Jaga Tutur Kata, Jaga Imej Diri	44
	Beradab Sopan di Mana-mana Sahaja	45
	Masyarakat Bersopan, Kehidupan Sejahtera	46
	Mari Uji Diri	48
UNIT 6 HORMAT	Budaya Masyarakat Patut Dihormati	50
	Hormati Budaya Bermasyarakat	52
	Kepelbagaian Budaya Bentuk Keharmonian	54
	Hormati Kepelbagaian Budaya	55
	Amalan Hormat Kukuhkan Perpaduan	56
	Amalan Diikuti, Hidup Diberkati	57
	Mari Uji Diri	58
UNIT 7 KASIH SAYANG	Sajak Kasih Sayang	60
	Sayangi Warga Emas	61
	Kami Prihatin	62
	Ibu Teras Kesejahteraan Masyarakat	63
	Projek Kasih Sayang	64
	Sandwic Kasih Sayang	66
	Sayangi Masyarakat Kita	67
Mari Uji Diri	68	

KANDUNGAN

UNIT 8

KEADILAN

Suri Teladan Dicontohi Masyarakat	70
Amalan Adil, Hak Dipelihara	72
Bersikap Adil, Masyarakat Harmoni	73
Amalan Adil Kukuhkan Silaturahmi	74
Bersikap Adil, Masyarakat Ceria	76
Pengundian Adil, Keputusan Diyakini	77
Mari Uji Diri	78

UNIT 9

KEBERANIAN

Berani Pertahankan Cabaran	80
Sang Lebah Berani, Rimba Harmoni	82
Gurindam Keberanian	84
Hadapi Cabaran Kekalkan Kebenaran	85
Hadapi Cabaran Tunjukkan Keyakinan	86
Mari Uji Diri	88

UNIT 10

KEJUJURAN

Beriadah dengan Jujurnya	90
Pengiktirafan kerana Kejujuran	91
Jujur ketika Bertindak	92
Amalan Jujur Perlu Dicontohi	94
Berniaga Secara Jujur	95
Meneroka Kejujuran	96
Mari Uji Diri	98

UNIT 11

KERAJINAN

Berkat Kerajinan	100
Usaha Berterusan, Keceriaan Terpelihara	102
Projek Jualan Amal	104
Bersikap Rajin, Hidup Selesa	106
Kempen Jom Sihat	107
Mari Uji Diri	108

UNIT 12

KERJASAMA

Amalan Kerjasama, Kebaikan Bersama	110
Masyarakat Sepakat, Hidup Berkat	112
Kerjasama Membawa Kesejahteraan	114
Kerjasama Dipupuk, Tugas Sempurna	115
Amalan Kerjasama Eratkan Hubungan	116
Mari Uji Diri	118

UNIT 13

KESEDERHANAAN

Bersederhana Menjamin Kebahagiaan	120
Nikmat Amalan Bersederhana	121
Bertindak Secara Sederhana	122
Sederhana dalam Perlakuan	124
Kesederhanaan Membawa Kebahagiaan	125
Mari Bersederhana	126
Mari Uji Diri	128


UNIT 14

TOLERANSI


Bertoleransi Membawa Kesejahteraan	130
Bertolak Ansur Kebajikan Diutamakan	132
Bertoleransi Membentuk Perpaduan	133
Bertoleransi Elakkan Sengketa	134
Permainan Ejen Toleransi 5.0	136
Mari Uji Diri	138

JANA
IDEA

UNIT 1





 Baca dan fahami.

Agama saya menyeru penganutnya sentiasa memberikan sedekah kepada orang yang memerlukannya. Keprihatinan ditunjukkan secara ikhlas. Oleh itu, kami dapat menjalinkan hubungan yang erat.




Agama saya mengajar penganutnya supaya bercakap benar. Keharmonian masyarakat dapat diwujudkan kerana kami jujur dalam pergaulan antara satu sama lain.



Agama saya meminta penganutnya menghormati orang tua dan orang lain. Oleh itu, kami dapat hidup dengan aman damai dalam masyarakat yang berbilang kaum.




KEISTIMEWAAN



Hidup Berkelompok



Interaksi Sesama Masyarakat



Perbezaan Agama

MASYARAKATKU



Pelbagai Budaya



Perpaduan



dan Bahasa



Agama saya mendidik kami supaya bersikap adil terhadap semua orang. Oleh itu, kami dapat bergaul mesra dengan sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa, agama dan taraf. Hubungan mesra sesama kita dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu.



Agama saya menyarankan kami berbaik-baik dengan semua orang. Amalan berbaik sangka dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain.

- Adakah kamu bersyukur dengan agama atau kepercayaan yang kamu anuti? Mengapa?
- Amalan ajaran agama atau kepercayaan merupakan tunjang keharmonian masyarakat. Bincangkan.



- 1.1
- 1.2
- 1.3
- 1.4

- Minta murid melayari Internet untuk mencari maklumat tentang ciri masyarakat.
- Minta murid menghasilkan buku skrap tentang amalan dan kepentingan ajaran agama atau kepercayaan.
- Minta murid melakonkan sikap menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian agama atau kepercayaan dalam membentuk masyarakat harmoni.



Hayati catatan diari.

Persatuan Penganut-penganut Kuil Sri Maha Mariamman Sikamat menjalankan Program Akshayapatram, iaitu pemberian sumbangan kepada golongan yang memerlukan tanpa mengira agama dan kaum. Mari kita hayati catatan diari program ini di Rumah Kebajikan Junjung Kasih.

13 Februari 20□□ | 11:00 pagi

Rakan sekelas saya, Stella, memberitahu bahawa kanak-kanak di rumah kebajikan itu menghadapi masalah kekurangan makanan dan peralatan sekolah. Saya berjumpa dengan pengerusi persatuan penganut kuil dan bercerita tentang masalah tersebut.



14 Februari 20□□ | 4:00 pagi

Saya dan beberapa orang ahli jawatankuasa persatuan penganut kuil menziarahi rumah kebajikan itu. Kami berjumpa dengan pengusaha rumah kebajikan untuk berbincang tentang keperluan dan kemudahan yang diperlukan oleh kanak-kanak di rumah kebajikan itu.

20 Februari 20□□ | 3:00 petang

Ahli jawatankuasa persatuan penganut kuil memberikan makanan dan peralatan sekolah kepada penghuni rumah kebajikan. Saya juga mengagihkan makanan kepada penghuni yang kurang upaya.



14 Mac 20□□

| 9:00 pagi



Saya juga mendapat sumbangan buku untuk kanak-kanak daripada Encik Selvan, Pengarah Syarikat Keselamatan Maju. Saya mengagihkan buku tersebut kepada semua kanak-kanak. Pemberian sumbangan ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim masyarakat dengan penghuni rumah kebajikan.

21 Mac 20□□



| 10:00 pagi

Saya menyertai karnival sukaneka anjuran persatuan penganut kuil di rumah kebajikan. Pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan dengan hadiah-hadiah yang lumayan. Saya berasa sungguh gembira kerana dapat menyertai dan mengurus aktiviti di rumah kebajikan ini. Usaha sebegini dapat membentuk masyarakat yang harmoni.



- Apakah kepentingan Program Akshayapatram ini untuk membentuk masyarakat yang harmoni?
- Ceritakan pengalaman kamu melibatkan diri dalam aktiviti sebegini untuk menjalinkan hubungan silaturahim sesama kaum.

Mengikut sejarah agama Hindu, **Akshayapatram** merupakan bekas yang memberikan makanan secara berterusan.

INFO

1.2
1.3
1.4
1.5

- Bimbing murid menyenaraikan tindakan yang diambil untuk membentuk masyarakat harmoni jika menjadi Pengusaha Rumah Kebajikan Junjung Kasih.
- Minta murid menulis tarikh dan hari ketika menjalankan aktiviti ini.





AJARAN AGAMA MESTI DIAMALKAN

Baca dan fahami situasi.

Veera, Roy dan Ramli membuat satu tinjauan tentang amalan ajaran agama dalam kalangan anggota masyarakat di tempat tinggal mereka. Yang berikut ialah dapatan tinjauan mereka.

Lim Teck Seng



Doktor Perubatan

Salah satu ajaran agama Buddha adalah untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik. Saya mengamalkan ajaran ini dengan taat setia. Sebagai contohnya, saya membantu anggota masyarakat yang susah dengan memberikan sumbangan. Saya berasa amat gembira dan berpuas hati dengan amalan saya ini.

Agama Kristian menyuruh umatnya melayan setiap anggota masyarakat secara adil dan hidup dengan aman damai. Saya mengamalkan ajaran tersebut tanpa mengira agama dan bangsa supaya dapat mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera di kampung kami.

Josepine



Guru

Gopal



Pegawai Polis

Agama Hindu menekankan bahawa perbuatan dan kelakuan seseorang akan menentukan kehidupan mereka. Oleh itu, saya sentiasa memastikan perbuatan saya baik dan benar apabila berhubung dengan setiap anggota masyarakat dalam kehidupan harian.

- Jelaskan ajaran yang dituntut oleh semua agama dalam masyarakat kamu.
- Pada pendapat kamu, bagaimanakah ajaran agama boleh membentuk masyarakat yang harmoni?
- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan bermasyarakat.




**PUPUK
NILAI**

**UNIT
1**


AMALAN MURNI, MASYARAKAT HARMONI




 **Mari bermain Lumba Meneroka (Explore Race).**

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
2. Bentuk empat stesen. Setiap stesen terdapat satu soalan.
3. Setiap kumpulan bergerak dari satu stesen ke stesen yang lain untuk mengumpulkan maklumat dan menjawab soalan yang disediakan.
4. Kumpulan yang tiba dahulu dengan jawapan yang betul bagi keempat-empat soalan dianggap pemenang.

Saya pergi ke gereja pada setiap hari Ahad. Saya sentiasa menunjukkan kasih sayang kepada masyarakat. Saya beragama _____.

Jawapan: 


Saya menyambut Hari Deepavali. Setiap perbuatan dan kelakuan saya kepada masyarakat menentukan corak kehidupan saya. Saya beragama _____.

Jawapan: 

Saya menyambut Hari Wesak. Saya mengutamakan kebenaran dalam kehidupan demi kesejahteraan diri dan masyarakat. Saya beragama _____.

Jawapan: 

Saya berpuasa sepanjang bulan Ramadan. Saya berbuat baik terhadap diri sendiri dan sesama manusia. Saya beragama _____.

Jawapan: 

- Nyatakan amalan ajaran agama dan kepercayaan dalam masyarakat kamu.
- Jelaskan kepentingan setiap amalan ajaran agama dan kepercayaan kepada masyarakat dalam permainan di atas.
- Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan dalam masyarakat?

1.1
1.2
1.3
1.4

Galakkan murid untuk menceritakan amalan ajaran agama dan kepercayaan mereka dengan persembahan yang menarik.





Jawab soalan-soalan bagi situasi di bawah.

Situasi 1



Salah satu ajaran utama agama Sikh termasuklah Vand Shakna, iaitu amalan berkongsi apa-apa yang dimiliki dengan mereka yang memerlukan. Contohnya kekayaan, pendapatan atau makanan. Amalan ini dipercayai dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Nyatakan amalan ajaran agama kamu dalam membentuk masyarakat yang harmoni.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____


Situasi 2

Sebagai anggota masyarakat, kamu mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan pada setiap masa. Jelaskan kesan amalan ajaran kamu dengan melengkapkan peta minda di bawah.


Kesan 1



Kesan 2



Kesan 3



Kesan 4



Saya mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan.

Situasi 3

Apakah kesannya kepada masyarakat jika kamu tidak mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan?



JANA
IDEA

UNIT 2

← KAJANG UTAMA
BANDAR TEKNOLOGI →





Fahami cerita.

Cerita ini mengisahkan Jia Hui dan keluarganya yang sedang menikmati makanan di sebuah restoran.





Gelandangan ialah orang yang pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap.

(Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat)



- Apakah keperluan dan kebajikan yang boleh kamu berikan kepada masyarakat?
- Jika kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat diabaikan, apakah yang akan terjadi kepada masyarakat kita?

Bimbing murid menjalankan aktiviti PAK-21 Kerusi Panas (Hot Seat) untuk menyatakan keperluan dan kebajikan yang boleh diberikan kepada golongan masyarakat dan kepentingan bersikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat. Contohnya, golongan warga emas dan orang kurang upaya.





Fahami situasi.

Murugan mengikut ibunya ke pasar raya. Ketika mereka hendak masuk ke dalam pasar raya, mereka ternampak beberapa orang sukarelawan sedang memungut derma untuk membantu mangsa banjir.

Murugan: Abang, bolehkah saya menderma 40 sen?

Igang: Tentulah boleh. Menderma mengikut kemampuan, tiada paksaan. Yang penting ikhlas.

Murugan: Baiklah. Ini derma saya.

Igang: Terima kasih, adik.

Murugan: Abang, bolehkah saya menjadi sukarelawan?

Igang: Boleh. Cuba lihat adik saya. Dia suka mengikut saya membuat kerja-kerja kebajikan. Katanya, walaupun bantuan yang dihulurkannya tidak seberapa tetapi dia berasa gembira kerana dapat meringankan beban anggota masyarakat.

Murugan: Betul. Jika kita sentiasa peka akan keperluan dan kebajikan masyarakat, kehidupan kita tentu bahagia.

Igang: Ya. Sebaliknya, jika kita tidak membantu masyarakat yang memerlukan bantuan, mereka akan berasa sedih kerana terpinggir.

Murugan: Saya bersetuju dengan kata-kata abang.



IMBAS SAYA



Sukarelawan

- Jika kamu menjadi sukarelawan, apakah bantuan yang akan kamu berikan kepada mangsa banjir?
- Jelaskan kepentingan bersikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat.
- Apakah perasaan kamu jika dapat memberikan bantuan kepada anggota masyarakat seperti yang dilakukan oleh sukarelawan?



KUKUH MORAL

BERASA SIMPATI BANTUAN DIBERIKAN

Fahami keratan akhbar dan lengkapkan peta minda.

TANGISAN KEHILANGAN PUNCA SARA HIDUP

GOMBAK – Nora, 43, yang tinggal di Kampung Intan, buntu memikirkan masa depan keluarganya apabila suaminya, yang merupakan tunjang keluarga, lumpuh akibat kemalangan jalan raya pada bulan lalu.

Nora, yang juga merupakan seorang pesakit buah pinggang, tidak mampu memikul tanggungjawab menyara

lima orang anak yang berumur lapan hingga 16 tahun dan juga suaminya yang lumpuh itu.

“Kami juga tiada simpanan. Bagaimanakah kami hendak meneruskan kehidupan?” katanya dengan sedih.

Kasihannya. Saya sangat bersimpati dengan nasib keluarga ini.



Mengapakah mereka perlu dibantu?

Sekiranya semua orang tidak peka dengan keperluan keluarga ini, apakah yang akan terjadi kepada mereka?

Kewangan

Tenaga

Sokongan Moral

Apakah yang boleh saya bantu?

- Berikan contoh keperluan dan kebajikan yang boleh diberikan kepada masyarakat.
- Huraikan kepentingan mengamalkan nilai baik hati dalam masyarakat.
- Ceritakan pengalaman kamu membantu masyarakat yang memerlukan bantuan.


2.1
2.2
2.3

- Minta murid membuat peta minda mengikut kreativiti masing-masing.
- Guru menghuraikan contoh-contoh bantuan kewangan, tenaga dan sokongan moral untuk kefahaman murid.





PROJEK KHIDMAT MASYARAKAT


 Jalankan aktiviti.



Mari kita membuat perancangan dan memilih pusat jagaan yang akan kita lawati.

Pusat Jagaan



Projek Khidmat Masyarakat ke _____ 

Keperluan yang Diperlukan

- Barang keperluan harian.



Aktiviti Kebajikan yang Dirancang

- Membuat kutipan derma.
- Mencari kedai yang sudi menaja kos projek berkenaan.





Kamu dikehendaki membuat laporan bergambar dalam bentuk folio setelah lawatan dijalankan.

Contoh Kandungan Folio:

Projek Khidmat Masyarakat ke _____

Tarikh: _____

Tempat: _____

Nama Ahli Kumpulan:

1. _____
2. _____
3. _____

Jadual Pelaksanaan Projek

7:00 pagi
Berkumpul di Sekolah

7:30 pagi
Bertolak

Laporan Bergambar (Persediaan)

TABUNG PRIHATIN

Mengutip derma

Laporan Bergambar (Pelaksanaan)

Menyerahkan barangan

Refleksi

Pada pendapat kamu, adakah projek khidmat masyarakat seperti ini perlu digalakkan dalam kalangan murid? Jelaskan.

- Sasaran projek boleh ditukar kepada mangsa bencana alam, golongan miskin, dan sebagainya mengikut kesesuaian.
- Minta murid mempamerkan folio di Sudut Pendidikan Moral untuk rujukan semua.

2.1
2.4
2.5





Mari bernyanyi dan hayati lirik lagu.

BANTUAN DIHULUR, PRIHATIN KITA

Masyarakat mulia yang baik hati
Kepekaan kita amatlah penting
Fakir dan miskin, mangsa bencana
Hulurkan bantuan ringankan derita

Warga emas dan juga ibu tunggal
Pertolongan diberi tanpa minta
Bantu-membantu tak kira bangsa
Eratkan hubungan kita gembira

Anak yatim kurang nasib baik
Orang kelainan upaya
Bantuan tunai, tenaga, barangan
Sokongan moral tidak lupai

Bantuan dihulur kepekaan kita
Bantuan dihulur tak harapkan balasan
Tiada siapa diabaikan
Amalan mulia masyarakat kita

Bantuan dihulur hilangkan kesusahan
Bantuan dihulur serikan kehidupan
Ketulusan keikhlasan
Masyarakat hidup bahagia

Bersemarak
Masyarakat
Prihatin
Bantuan dihulur

Nukilan: Sing Bee Khim

Lagu

IMBAS SAYA



- Senaraikan kepentingan bersikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat berdasarkan lirik lagu.
- Apakah perasaan kamu apabila dapat membantu anggota masyarakat yang memerlukan bantuan?



- Nyanyikan lagu dengan melodi "Jalur Gemilang" atau melodi yang sesuai mengikut kreativiti.
- Ingatkan murid supaya menghulurkan bantuan mengikut kemampuan diri.



**PUPUK
NILAI**

PENYEPIT BUAT INSAN YANG BAIK HATI

Mari hasilkan penyepit hiasan.

Alatan dan Bahan



Penyepit baju kayu



Gunting



Gam



Kad warna



Pen warna

1

Sediakan potongan kad.

9 cm × 2 cm

9 cm × 2 cm

6 cm × 2 cm



2

Tulis golongan yang dibantu, contoh bantuan dan perasaan pada potongan kad.

Orang buta

Memimpin orang buta melintas jalan raya


Gembira Bangga

3

Tampalkan potongan kad pada penyepit. Kemudian, hias.



Penyepit hiasan yang telah siap.



- Minta murid mengimbas kembali pengalaman membantu golongan yang perlu diberikan bantuan untuk menjalankan aktiviti.
- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Minta murid menghadiahkan penyepit hiasan kepada rakan kelas yang telah berbuat baik dalam membantu masyarakat.





 Fahami situasi dan lengkapkan peta minda.

Sebuah rumah panjang berdekatan terbakar.

Keperluan atau kebajikan yang diberikan



Kepentingan menghulurkan bantuan



Perasaan setelah menghulurkan bantuan




Ramalkan kesan pengabaian sikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat.

UNIT 3

JANA
IDEA





 Hayati dialog.

Suman sedang membuat latihan untuk menyertai Larian Hijau anjuran bandar Mega dengan kerjasama majlis perbandaran. Pada ketika itu, dia terserempak dengan Izzue di padang awam.

Sebelum Program Larian Hijau

1 Hai, Izzue. Apa khabar?

3 Boleh, Izzue. Sebagai anggota masyarakat, sudah menjadi tanggungjawab kita untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan.

5 Larian itu diadakan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar serta persekitaran hijau.

2 Hai, Suman. Khabar baik. Saya baru membaca iklan mengenai Larian Hijau anjuran bandar Mega. Mari kita menyertai larian itu.

4 Betul, Suman. Mengapakah Larian Hijau itu diadakan?

6 Kalau begitu, mari kita sertai aktiviti menanam pokok sebelum Larian Hijau bermula. Dengan ini, kita bertanggungjawab memastikan ekosistem seimbang.



Betul, Izzue. Menurut Encik Basir, Penyelaras Larian Hijau, kita digalakkan untuk mempromosikan larian ini kepada masyarakat. Kita patut melaksanakan tugas ini dengan sempurna.



Boleh, Suman. Kita harus memikul tugas ini dengan mengajak lebih banyak lagi anggota masyarakat untuk menyertai program tersebut. Usaha kita juga dapat mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Mari kita berkongsi maklumat larian itu dalam media sosial.



Selepas Program Larian Hijau

Izzue, banyak orang menyertai larian hari ini. Saya berasa sangat seronok kerana dapat melaksanakan tugas dengan baikny.

Betul, Suman. Saya juga gembira kerana dapat menyertai larian itu.

Ekosistem ialah perhubungan antara haiwan, tumbuhan dan manusia dengan alam sekitar. **INFO**

- Berdasarkan dialog, apakah tanggungjawab kamu sebagai anggota masyarakat?
- Bagaimanakah Izzue dan Suman melaksanakan tanggungjawab yang diberikan?
- Mengapakah kamu patut bertanggungjawab dalam situasi di atas? Bincangkan.
- Ceritakan pengalaman kamu mengamalkan sikap bertanggungjawab sebagai anggota masyarakat.




Minta murid mendapatkan maklumat tentang aktiviti kemasyarakatan yang terdapat di kawasan mereka.

- 3.1
- 3.2
- 3.3
- 3.5





 Hayati situasi.

Rukun Tetangga Kampung Temiang mengadakan Karnival Jom Beli Barangan Buatan Malaysia di padang awam. Pengerusi program mengundang saya dan beberapa orang rakan untuk bertugas pada hari tersebut.



Aleena ditugaskan untuk menjaga kaunter pendaftaran. Aleena telah membimbing pengunjung mengisi borang pendaftaran.



Ravien dan Hanafi ditugaskan untuk mengedarkan makanan. Mereka melakukan tugas ini dengan sempurnanya.





Urus setia meminta saya untuk memberikan peluang bermain kepada semua kanak-kanak. Saya berasa bangga kerana dapat melaksanakan tugasan ini dengan lancarnya.



Thiam Wah dan Doshan ditugaskan untuk menjaga kebersihan sepanjang program dijalankan. Mereka juga sentiasa menukar plastik sampah yang penuh untuk menjaga kebersihan persekitaran.



Archana dan Azahar ditugaskan untuk menyusun hadiah cabutan bertuah di pentas utama. Mereka meletakkan nombor pada hadiah untuk memudahkan kerja semasa penyampaian hadiah.



Pada akhir program, penyelaras memuji kami kerana hadir mengikut masa yang ditetapkan. Kami berjaya melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan sempurnanya.

- Berdasarkan situasi, bagaimanakah kamu melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat?
- Apakah perasaan kamu apabila dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat?

Minta murid melakukan aktiviti main peranan sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab dalam karnival atau program yang berkaitan dengan kemasyarakatan.





PANGSAPURI KITA, TANGGUNGJAWAB KITA

Hayati situasi dan lakukan aktiviti.

Kanak-kanak daripada Kelab Inovasi Pintar Pangsapuri Sendayan berbincang tentang aktiviti Minggu Cintailah Pangsapuri Kita.

Simarjit Singh, kita ditugaskan untuk membuat papan tanda kesedaran.

Ya, Azizul. Kita patut melaksanakan tugas ini dengan sempurna.



Cara melaksanakan tugas:

1. _____
2. _____

Kepentingan melaksanakan tugas:

1. _____
2. _____


Mari kita melihat cara kanak-kanak daripada Kelab Inovasi Pintar ini melaksanakan tugas yang diberikan.

Alatan dan Bahan

- Bod lekap (mounting board)
- Cat air
- Berus
- Penebuk lubang

1

Sediakan bod lekap mengikut ukuran 38 cm x 27 cm.



2

Lakar slogan dan warnakannya.



3

Tebuk lubang dan ikat bod dengan tali.



4

Papan tanda kesedaran yang telah siap.



Letakkan papan tanda kesedaran di tempat awam untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat setempat.



**HEBAT
INSAN**

TANGGUNGJAWAB WUJUDKAN KESELESAAN

Lengkapkan peta minda berdasarkan situasi.

Sameen seorang budak yang sangat bertanggungjawab. Apabila memikul sesuatu tugas, dia pasti melaksanakan tugas tersebut dengan sempurnanya untuk keselesaan anggota masyarakat. Jika kamu bertanggungjawab seperti Sameen, bagaimanakah kamu menyelesaikan masalah yang berlaku dalam kalangan masyarakat?

- 1 Longkang besar di taman permainan tidak ditutup.
- 2 Terdapat sarang tebuan pada pokok berhampiran dengan dewan orang ramai.
- 3 Kebocoran paip di tandas awam.

Cara melaksanakan tanggungjawab.

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____

Apakah justifikasi kamu bertindak secara bertanggungjawab?

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____

Kawan-kawan, apakah perasaan kamu setelah mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam situasi di atas?

Jika kamu Sameen, bagaimanakah kamu menyelesaikan masalah dalam kalangan masyarakat dengan penuh bertanggungjawab?

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____

Minta murid mengenal pasti masalah yang berlaku dalam kalangan masyarakat mereka dan menghuraikan cara melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat dalam bentuk peta minda.





Jalankan aktiviti Tunjuk Jawapan (Showdown).

PANDUAN AKTIVITI

- 1 Aktiviti dijalankan secara individu.
- 2 Guru menayangkan situasi dan soalan.
- 3 Murid menulis jawapan pada papan putih mini.
- 4 Apabila masa menjawab tamat, semua murid menunjukkan jawapan secara serentak.
- 5 Guru memilih beberapa orang murid untuk menerangkan jawapan mereka di hadapan kelas.
- 6 Murid lain boleh memberikan komen atau membetulkan jawapan rakan.
- 7 Guru memilih jawapan yang tepat dan memberikan ganjaran.


Alatan dan Bahan

- Papan mini
- Pen penanda
- Pemadam



Situasi 1

Kamu mendapati jalan raya utama ke Kampung Gugusan Riang berlubang. Keadaan itu menyukarkan murid-murid mengayuh basikal ke sekolah. Apakah tanggungjawab kamu?



Situasi 2

Semasa kamu bermain badminton di padang awam, kamu ternampak dua orang lelaki sedang menunggang motosikal dalam keadaan mencurigakan. Bagaimanakah kamu bersikap tanggungjawab?

Situasi 3

Kamu menyertai Program Satu Rumah, Satu Pokok anjuran kawasan perumahan kamu. Mengapakah kamu patut melaksanakan tanggungjawab ini?



Situasi 4

Kamu mendapati alat-alat permainan di taman permainan kanak-kanak berkarat dan tidak selamat untuk digunakan tetapi ramai kanak-kanak bermain di situ setiap hari. Apakah tanggungjawab kamu?



Lakonkan situasi mengikut kad Tunjuk Jawapan. Dalam lakonan, tunjukkan sikap bertanggungjawab kamu sebagai anggota masyarakat.

3.1
3.2
3.5

Murid menceritakan situasi lain yang menunjukkan sikap bertanggungjawab sebagai anggota masyarakat. Terangkan situasi tersebut kepada rakan sekelas yang lain.





Mari lakukan penilaian sendiri berdasarkan pernyataan di bawah.

Petunjuk:

1 = Tidak Pernah

2 = Kadangkala

3 = Kerap


Pernyataan	Skor		
	1	2	3
• Saya melaksanakan tugas yang diberikan dengan sepenuhnya sebagai anggota masyarakat.			
• Saya akan memastikan semua alat permainan di taman permainan dalam keadaan selamat.			
• Saya menyertai aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh komuniti saya.			
• Saya menelefon pihak berkuasa apabila mendapati kejadian yang mencurigakan di kampung saya.			
• Saya memastikan kebersihan persekitaran dijaga demi kesejahteraan anggota masyarakat.			
• Saya berasa bangga apabila dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat.			
• Saya memikul tugas menghapuskan kawasan pembiakan nyamuk untuk menjaga kesihatan masyarakat setempat.			
• Saya berasa gembira apabila dapat melaksanakan tugas yang diberikan dengan sepenuhnya.			
• Saya sentiasa mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam hidup bermasyarakat untuk mewujudkan kehidupan yang harmoni.			
• Sikap bertanggungjawab adalah penting demi menjayakan program di kawasan setempat.			

Jumlahkan skor yang kamu dapat.

Jumlah skor	Penerangan
21 hingga 30	Tahniah dan syabas! Kamu seorang yang bertanggungjawab kepada masyarakat.
11 hingga 20	Memuaskan. Kamu perlu tingkatkan lagi sikap bertanggungjawab sebagai anggota masyarakat.
0 hingga 10	Tingkatkan lagi sikap bertanggungjawab kamu.

UNIT 4

JANA IDEA





HARGAI JASA DAN SUMBANGAN



Fahami situasi.

Persatuan Penduduk Taman Merpati menganjurkan Majlis Jasamu Dikenang bersempena dengan sambutan Hari Malaysia di dewan orang ramai. Dalam majlis tersebut, beberapa anggota masyarakat yang berjasa dan memberikan sumbangan telah diraikan.

Situasi 1

MAJLIS JASAMU DIKENANG

Penerima pertama ialah Encik Soma, jurulatih pasukan bola sepak kami. Saya menghargai jasa beliau yang melatih kami secara ikhlas.

Saya kenal penerima kedua. Beliau Encik Azmi, guru kelas bimbingan kami. Beliau sering mengadakan kelas bimbingan secara percuma. Beliau sangat prihatin terhadap masyarakat.

Saya kenal penerima ketiga. Beliau Encik Lee. Beliau banyak menyumbang buku untuk perpustakaan awam di kampung kita. Kita harus berterima kasih kepada beliau.

Mereka wajar diberi pengiktirafan dan penghargaan. Hal ini akan menjadikan kita manusia yang tidak melupakan jasa dan sumbangan anggota masyarakat.

Terima kasih, Encik Azmi. Saya amat menghargai jasa Encik Azmi membimbing saya menghadapi peperiksaan. Saya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun.



Sama-sama, Vidya. Teruskan usaha kamu. Semoga berjaya.

Tahniah, Encik Soma. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih atas segala jasa baik Encik Soma. Bimbingan Encik Soma telah menjadikan saya pemain bola sepak yang lebih baik.



Sama-sama. Berlatihlah dengan bersungguh-sungguh.

Encik Lee, terima kasih kerana menyumbangkan buku-buku untuk perpustakaan. Buku-buku tersebut sangat berguna kepada saya dan kanak-kanak lain di taman ini.



Sama-sama. Saya gembira kerana sumbangan saya dihargai.

- Nyatakan jasa atau sumbangan yang diberikan oleh anggota masyarakat dalam situasi di atas.
- Apakah cara lain kamu dapat menunjukkan penghargaan terhadap jasa dan sumbangan anggota masyarakat?
- Mengapakah kamu wajar menghargai jasa anggota masyarakat?
- Apakah perasaan kamu apabila dapat menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat?
- Ceritakan pengalaman kamu mengamalkan sikap menghargai jasa atau sumbangan anggota masyarakat.

4.1
4.2
4.3
4.4
4.5

Aktiviti main peranan boleh dilaksanakan bagi kedua-dua situasi di atas.





HARGAI SUMBANGAN MASYARAKAT SEKAMPUNG

Fahami situasi.

Beberapa keluarga dari Kampung Orang Asli Sungai Parang ditempatkan di pusat penempatan sementara kerana kampung mereka dilanda banjir lumpur.

Putek, ayah saya memberitahu bahawa kita akan menerima bantuan makanan dan keperluan lain daripada pejabat kebajikan daerah esok.

Oh, begitu! Saya berasa amat bersyukur, Jali.

Terima kasih, tuan. Saya amat menghargai sumbangan pihak tuan. Semoga sumbangan ini dapat meringankan kesusahan seluruh masyarakat Orang Asli di sini.

Saya berasa lega kerana masyarakat kita menerima sumbangan yang secukupnya. Kita patut mengucapkan terima kasih kepada mereka dengan menulis surat penghargaan.

LINEAS SAYA



Banjir Lumpur

- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat.
- Mengapakah kamu perlu memberikan penghargaan kepada anggota masyarakat yang telah memberikan sumbangan? Jelaskan.



KISAH PENGHARGAAN

Baca dan fahami cerita.

Tempat tinggal Sang Murai dan rakan-rakannya telah musnah kerana ditiup angin kencang. Sang Tekukur dan rakan-rakannya mahu membantu Sang Murai membina sarang mereka semula.

Jangan bimbang, Sang Murai. Kami akan membantu kamu membina sarang kamu semula.

Sama-sama.

Terima kasih. Kami amat menghargai jasa kamu dan rakan-rakan kamu, Sang Tekukur.

Terima kasih atas keprihatinan kamu dan rakan-rakan sekalian.

Sama-sama, Sang Murai. Kita hidup bermasyarakat mestilah saling membantu.

- Nyatakan contoh jasa dan sumbangan lain yang boleh diberikan dalam situasi di atas.
- Jika kamu Sang Murai, apakah bentuk penghargaan yang boleh kamu berikan kepada Sang Tekukur?
- Mengapakah kamu perlu menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat?
- Lakonkan situasi di atas untuk menunjukkan penghargaan terhadap jasa dan sumbangan yang diterima.


4.1
4.2
4.3
4.4

Bimbing murid melakonkan situasi di atas.





ELAKKAN PENGABAIAN PENGHARGAAN

 Perhatikan gambar dan lengkapkan grafik.

Maklumat Penderma

Encik Lawrence telah menjadi seorang doktor pakar yang berjaya. Sebagai anggota masyarakat, beliau ingin berjasa kepada warga kampungnya. Beliau telah menyumbang untuk pembinaan trek jogging di padang rekreasi Kampung Berjasa. Sumbangan beliau amat dihargai oleh masyarakat kampung.



Apakah sumbangan yang diberikan oleh anggota masyarakat dalam gambar di atas?
Jawapan: _____

Bagaimanakah kamu dapat menunjukkan penghargaan terhadap sumbangan Doktor Lawrence?
Jawapan: _____

Mengapakah kamu patut menghargai sumbangan anggota masyarakat seperti yang di atas?
Jawapan: _____

- Senaraikan jasa dan sumbangan anggota masyarakat di kampung kamu.
- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat menghargai sumbangan yang membawa faedah kepada diri dan masyarakat.






**HEBAT
INSAN**

JASA YANG DIHARGAI



**UNIT
4**

 Hasilkan seni kraf.

Kelab Sukan Pekan Nenas telah memberikan sumbangan kasut bola sepak kepada beberapa pemain kelab yang kurang berkemampuan. Rudy merupakan salah seorang pemain yang telah menerima sumbangan tersebut. Dia berasa terharu atas sumbangan itu. Dia ingin membuat sesuatu untuk menghargai jasa kelab berkenaan.



Saya hendak membuat kraf tangan sebagai tanda terima kasih kepada mereka.



1

Sediakan peralatan.



2

Lekatkan batang aiskrim satu demi satu.



3

Batang aiskrim tersebut akan membentuk segi tiga seperti yang di atas.



4

Tutup permukaan bawah.



5

Ulangi langkah 1 hingga 4 untuk menghasilkan satu lagi bekas yang berlainan saiz. Warnakan kedua-dua bekas itu.

6



Cantumkan kedua-dua bekas pensel dan hias.

- Bagaimanakah kamu menunjukkan penghargaan terhadap jasa atau sumbangan yang telah kamu terima?
- Mengapakah kamu patut menghargai sumbangan anggota masyarakat?
- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat menghargai jasa atau sumbangan anggota masyarakat.

4.2
4.3
4.4

Bimbing murid menghasilkan kraf yang sesuai sebagai tanda penghargaan terhadap jasa masyarakat.



35
KPM



AMALAN MENGHARGAI PERLU DIHAYATI

Mari bermain.

One Stay Three Stray

PANDUAN AKTIVITI

1. Bentuk enam kumpulan.
2. Setiap kumpulan terdiri daripada empat orang.
3. Setiap kumpulan akan diberi satu situasi.
4. Setiap kumpulan dikehendaki berbincang dan mencatat maklumat tentang jasa dan sumbangan yang ditunjukkan dalam situasi yang diberikan.
5. Tiga orang ahli daripada setiap kumpulan akan bergerak ke kumpulan lain untuk mengetahui hasil perbincangan mereka.
6. Seorang ahli kumpulan yang kekal berada dalam kumpulan masing-masing akan menyambut ahli kumpulan lain dan membentangkan hasil perbincangan mereka.

Situasi: 1



Jenis Sumbangan atau Jasa

Bentuk Penghargaan

Situasi: 2



Jenis Sumbangan atau Jasa

Bentuk Penghargaan

Situasi: 3



Jenis Sumbangan atau Jasa

Bentuk Penghargaan

Situasi: 4



Jenis Sumbangan atau Jasa

Bentuk Penghargaan

Situasi: 5



Jenis Sumbangan atau Jasa

Bentuk Penghargaan

Situasi: 6



Jenis Sumbangan atau Jasa

Bentuk Penghargaan


- Nyatakan jasa dan sumbangan yang boleh diberikan oleh anggota masyarakat.
- Jelaskan kepentingan menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat.
- Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap menghargai jasa atau sumbangan?
- Bincangkan pengalaman kamu menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat.

- 4.1
- 4.2
- 4.3
- 4.4
- 4.5

Bimbing murid menjalankan aktiviti Rally Table tentang pengalaman mereka menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat.





 Fahami laporan dan jawab soalan yang diberikan.

Lalitha dan Vino membaca Laporan Aktiviti Tahunan Persatuan Penduduk Taman Tawas. Mereka mendapati persatuan itu telah banyak berjasa dan memberikan sumbangan kepada warga Taman Tawas.

LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN 20□□

13 JANUARI – Bantuan persekolahan sebanyak RM200 diberikan kepada beberapa buah keluarga dalam masyarakat yang menghadapi masalah kewangan.

23 FEBRUARI – Membantu tiga orang peniaga kecil untuk mendapatkan kelulusan menggunakan tapak perniagaan daripada majlis perbandaran.

4 JUN – Mengadakan kelas jahitan kepada ibu tunggal. Sebanyak 15 orang ibu tunggal telah berjaya memulakan perniagaan untuk menyara kehidupan.

26 OKTOBER – Mengadakan Seminar Pengurusan Kewangan Peribadi untuk kanak-kanak dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan.

1. Cadangkan bentuk penghargaan yang boleh kamu berikan kepada Persatuan Penduduk Tawas.

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

2. Wajarkah kamu memberikan penghargaan kepada persatuan itu? Jelaskan.

3. Nyatakan perasaan kamu apabila dapat menghargai sumbangan dan jasa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan.




UNIT 5

JANA IDEA

HARI WARGA EMAS

Datuk dan nenek, jemputlah makan.





Baca dan fahami.

Eco Free Market

Daripada: xiaoyao@sskmail.com
 Kepada: ryan1234@sskmail.com
 Perkara: Eco Free Market



Menemui sahabatku, Ryan yang kini berada di Kampung Tirai, Sandakan, Sabah. Semoga berada dalam keadaan sihat dan selamat.

Saudara,

Apa khabar? Tujuan saya menulis e-mel ini adalah untuk berkongsi pengalaman berkunjung ke Eco Free Market. Pernahkah saudara berkunjung ke pasar sebegini? Di sana, kita boleh mengambil apa-apa sahaja yang kita perlukan secara percuma.

Suasana di Eco Free Market sangat meriah. Pada awal pagi lagi, saya dan keluarga sudah beratur dengan tertibnya untuk memasuki kawasan pasar. Semasa beratur, saya bertegur sapa dengan komuniti di situ untuk menjalinkan silaturahim.

Semasa berjalan-jalan di pasar, saya tertarik akan sebuah beg sandang. Saya meminta beg sandang itu daripada penyumbang barangan dengan sopannya. Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih atas pemberiannya. Saya tidak mengganggu ibu bapa ketika mereka sedang berbual-bual dengan penyumbang tersebut.




Saya sentiasa beradab sopan dan berbudi pekerti mulia semasa berinteraksi dengan anggota masyarakat untuk mengekalkan hubungan yang mesra. Saya berasa sangat gembira.

Sekian sahaja coretan saya buat kali ini. Salam mesra.

Sahabatmu,
Xiao Yao

Hantar



← Xiao Yao



Daripada: ryan1234@sskmail.com

Perkara: Pasar Tamu



Menemui sahabatku, Xiao Yao, yang kini berada di Taman Ceria, Shah Alam. Semoga saudari sihat di samping keluarga tersayang.

Saudari,

Apa khabar? Saya berasa seronok membaca pengalaman saudari yang menarik di Eco Free Market.

Saya juga hendak memperkenalkan pasar di sini kepada saudari, iaitu pasar tamu. Setiap hari Ahad, saya akan memakai baju yang sesuai bagi mengikut keluarga ke pasar tamu untuk membeli-belah. Pasar tamu bukan sahaja menjual barangan yang biasa dijual di pasar semenanjung, malah turut menjual pelbagai sayur kampung, hasil hutan, haiwan hidup, dan sebagainya. Saya sangat suka singgah di gerai menjual arnab untuk melihat arnab yang comel. Jika ada peluang, saya akan meminta izin daripada penjual arnab untuk membelai arnab atau bermain dengan arnab di situ.



Saya suka membeli-belah di pasar tamu kerana harganya masih boleh ditawarkan lagi. Semasa tawar-menawar dengan peniaga, saya sentiasa menggunakan nada suara yang sederhana dan menjaga tutur kata.

Perlakuan yang telah saya lakukan ini telah mengeratkan hubungan saya dengan masyarakat di sini.

Sekian sahaja untuk kali ini, sambutlah salam daripada saya buat saudari dan keluarga di sana.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Ryan



Hantar



- Senaraikan contoh amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat.
- Apakah perasaan kamu apabila dapat beradab sopan dengan masyarakat?
- Bincangkan kesan sekiranya amalan beradab sopan dalam hidup bermasyarakat diabaikan.



5.1
5.3
5.4

Minta murid melakonkan perbuatan melalui telefon untuk menceritakan pengalaman amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia mereka dalam hidup bermasyarakat.





Fahami cerita.

Sekumpulan kanak-kanak dari taman perumahan yang berlainan telah menyertai kem cuti sekolah bagi memanfaatkan cuti sekolah mereka.





6

Minta maaf.

Tidak mengapalah. Kita sudah lewat. Lagipun, nanti berpeluh juga.

Sarban Singh, jangan tergegopoh-gegopah. Kita belum menyalin baju sukan.



7

Kita sudah lewat! Cepat bangun! Senaman pagi akan bermula pada pukul 7:00 pagi.



8

Tidak boleh begitu. Kita perlu memakai baju yang sesuai mengikut keadaan.



9

Maafkan kami kerana terlewat.

Tidak mengapa. Saya maafkan kalian.




10

Terima kasih, Encik Tee.

Sama-sama.

Hari Terakhir

- Senaraikan contoh amalan beradab sopan dalam cerita.
- Mengapakah kita perlu beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat? Jelaskan.



Minta murid menceritakan pengalaman beradab sopan dari segi penampilan, tutur kata dan tingkah laku ketika berinteraksi dengan anggota masyarakat.





Cipta dialog dan lakonkan situasi.

1

Suasana di Stesen Bas



2

Suasana di Pesta Tanglung



- Senaraikan kesan pengabaian amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat.
- Amalan beradab sopan dapat memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum. Jelaskan.
- Bincangkan pengalaman kamu beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat.

- Minta murid mencipta dialog yang beradab sopan dan tidak beradab sopan.
- Minta murid membuat perbandingan antara amalan beradab sopan dengan tidak beradab sopan. Kemudian, kemukakan pendapat masing-masing.



Jalankan aktiviti dan jawab soalan.

Bulatan Dalam-Luar (Inside-Outside Circle) PANDUAN AKTIVITI

1. Murid membentuk kumpulan secara berpasangan.
2. Murid membentuk dua bulatan. Seorang berdiri di dalam bulatan (Bulatan 1) dan seorang lagi di luar bulatan (Bulatan 2).
3. Murid menghadap rakan secara berpasangan.
4. Murid di dalam Bulatan 1 menunjukkan gambar yang disediakan kepada pasangan dan bertanyakan soalan berdasarkan gambar tersebut.
Contoh soalan bagi Gambar 1:
 - (i) Apakah pakaian yang sesuai semasa kamu menyertai Hari Keluarga?
 - (ii) Nyatakan cara kamu bertegur sapa dengan anggota masyarakat yang menyertai Hari Keluarga.
 - (iii) Jika seorang anggota masyarakat terlanggar kamu semasa pertandingan, apakah tindakan sopan kamu?
5. Murid di dalam Bulatan 2 menjawab soalan.
6. Murid di dalam Bulatan 1 memberikan pujian atau membetulkan jawapan rakan.
7. Kemudian, murid bertukar peranan dengan soalan lain.
8. Seterusnya, murid di dalam Bulatan 2 bertukar tempat dengan rakan di sebelah kanan.
9. Ulangi aktiviti menyoal dan menjawab soalan.



Gambar 1



Gambar 2



Gambar 3



- Apakah kebaikan beradab sopan dalam hidup bermasyarakat?
- Jika masyarakat mengabaikan amalan beradab sopan dalam kehidupan harian, bagaimanakah keadaan interaksi antara masyarakat?

- Berdasarkan gambar situasi di atas, minta murid bertanyakan soalan tentang amalan beradab sopan dari segi penampilan diri, tingkah laku atau tutur kata semasa menjalankan aktiviti.
- Sediakan gambar situasi tambahan jika perlu.










MASYARAKAT BERSOPAN, KEHIDUPAN SEJAHTERA

Mari kita bermain.

PETUNJUK BULATAN:

-  Undur
-  Jawab soalan
-  Maju
-  Lontar dadu sekali lagi

CARA BERMAIN

1. Lontar dadu untuk menentukan giliran bermain. 
2. Gerakkan penanda mengikut nombor pada dadu. 
3. Jawab soalan mengikut nombor pada bulatan biru.
4. Maju selangkah jika jawapan betul.
5. Pemain hilang giliran satu pusingan jika jawapan salah.
6. Pemain yang tiba dahulu di petak tamat ialah pemenang.



NOTA
GURU

Bimbing murid bermain permainan dengan betulnya. Sediakan ganjaran untuk menambahkan keseronokan bermain.



Saya telah selamat.
Terima kasih.

Ceritakan pengalaman kamu beradab sopan di tandas awam taman rekreasi.

46

Kamu mendapati jumlah wang baki yang diterima kurang RM10. Cipta dialog untuk menuntut kembali RM10 daripada juruwang pasar mini secara sopan.

42

Apakah yang akan terjadi jika kamu mengabaikan amalan beradab sopan dalam masyarakat?

35

Nyatakan kepentingan beradab sopan dalam hidup bermasyarakat.

32

Bagaimanakah kamu beradab sopan apabila ditegur oleh anggota masyarakat kerana melakukan kesalahan?

22

Kamu membantu dalam Kempen Alam Sekitar. Bagaimanakah kamu melayan peserta di kaunter pendaftaran?

16

Nyatakan amalan beradab sopan dalam Majlis penyampaian Bantuan.

7

Wajarkah kamu memakai baju merah semasa memberikan penghormatan terakhir kepada ketua kampung yang berbangsa Cina? Jelaskan.

12

46

47

48

49

50

33

32

34

31

30

36

35

27

28

29

17

16

15

14

13

12

6

7

8

9

10

11



Sejauh manakah kamu beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat? Bulatkan skor berdasarkan petunjuk.

Petunjuk: 1 = Tidak Pernah 2 = Kadangkala 3 = Kerap

Bil.	Pernyataan	Skor		
		1	2	3
1.	Saya menggunakan ayat yang sopan apabila bertegur sapa dengan anggota masyarakat.	1	2	3
2.	Saya berasa gembira kerana dapat menjaga adab di meja makan dalam majlis perkahwinan.	1	2	3
3.	Saya berasa bangga kerana memakai pakaian yang sesuai ketika menghadiri majlis keramaian.	1	2	3
4.	Saya menjaga tutur kata semasa berinteraksi dengan anggota masyarakat walaupun dalam keadaan marah untuk mengelakkan perselisihan faham.	1	2	3
5.	Saya membongkokkan badan apabila berjalan di hadapan anggota masyarakat yang sedang berbual.	1	2	3
6.	Saya menggunakan nada suara yang sederhana semasa berkomunikasi dengan anggota masyarakat.	1	2	3
7.	Saya memberikan perhatian sepenuhnya ketika ketua kampung sedang berucap dalam sesuatu majlis.	1	2	3
8.	Saya berpuas hati kerana dapat meminta maaf daripada anggota masyarakat atas kesilapan yang saya lakukan.	1	2	3
9.	Saya melayan tetamu dalam sesuatu majlis rumah terbuka dengan mesra untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni.	1	2	3
10.	Saya memberikan senyuman kepada anggota masyarakat walaupun tidak kenal untuk mengeratkan hubungan.	1	2	3

Jumlahkan skor yang kamu dapat.

Jumlah skor	Penerangan
21 hingga 30	Syabas! Kamu sangat beradab sopan dan berbudi pekerti mulia. Kamu perlu mengamalkannya secara konsisten.
11 hingga 20	Menunjukkan sikap beradab sopan dan berbudi pekerti mulia tetapi kamu perlu lebih kerap beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat.
0 hingga 10	Tingkatkan lagi amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat.

Refleksi Kendiri:

MAJLIS RUMAH TERBUKA
TAHUN BAHARU CINA

JANA
IDEA

UNIT
6



VEGETARIAN



BUDAYA MASYARAKAT PATUT DIHORMATI

Hayati situasi.

Melissa Teoh dan ibunya menghadiri majlis kebudayaan di Dewan Komuniti Bandar Coral Heights.

1 Ibu, banyaknya orang dalam majlis kebudayaan ini.

2 Ya, Melissa. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga pemakaian. Kita patut menghormati kepelbagaian budaya dengan memakai pakaian yang sesuai.

1 Ibu, mengapakah ada dua tempat mengambil makanan? Bolehkah saya mengambil makanan di situ?

2 Boleh, Melissa tetapi makanan itu untuk vegetarian. Dalam majlis ini, mungkin ada orang yang budaya makanannya berbeza. Sebagai tanda hormat, pihak penganjur menyediakan makanan khas untuk mereka.

3 Puan Kalsom, semua makanan di sini halal. Puan boleh memilihnya mengikut cita rasa.

4 Baik, encik. Dengan ini, kita dapat mengekalkan persefahaman yang baik dalam hidup bermasyarakat.



1 Kaalai vanakam, Puan Malliga.

2 Kaalai vanakam, Puan Teoh. Mari kita duduk.

3 Ibu, apakah bahasa yang ibu gunakan tadi?

4 Ibu mengucapkan selamat pagi dalam bahasa Tamil kepada Puan Malliga. Salah satu cara kita menghormati bahasa lain adalah dengan menggunakan bahasa tersebut dengan betulnya.

5 Baiklah, ibu. Saya juga akan mengucapkan *kaalai vanakam* kepada rakan-rakan yang berbangsa India.

Saya berasa seronok kerana dapat mengenali dan menghormati kepelbagaian budaya dalam masyarakat.

- Apakah cara lain untuk kamu menghormati kepelbagaian budaya dalam masyarakat?
- Jika kamu Melissa Teoh, mengapakah kamu patut menghormati kepelbagaian budaya dalam majlis kebudayaan?
- Ceritakan pengalaman kamu menghormati budaya makanan kaum lain.

Selamat pagi dalam bahasa lain:
Bahasa Tamil - *Kaalai vanakam*
Bahasa Inggeris - *Good morning*
Bahasa Cina - *Zǎo shàng hǎo*
Bahasa Hindi - *Shubh prabhaat*
Bahasa Arab - *Sobahal khair*

Minta murid melayari Internet untuk mencari maklumat tentang tarian pelbagai kaum dalam hidup bermasyarakat.





Mari kita bernyanyi.

HORMATI BUDAYA BERMASYARAKAT

Hormati budaya dalam masyarakat
Jadikan amalan dalam kehidupan
Pelbagai budaya pelbagai amalan
Hidup kita menjadi aman

Amalkan hormat pelbagai budaya
Makanan, bahasa kita berbeza
Hormati makanan pelbagai kaum
Gunakan bahasa difahami semua

Hidup berbudaya hidup sejahtera
Pemakaian kita patut dijaga
Cara hidup kita berbeza-beza
Jangan mengejek sesama kita

Adat dan tradisi harus dipatuhi
Turun-temurun menjadi panduan
Hak budaya disanjung tinggi
Amalan hormat tetap dirasa

Hormati budaya hormati bangsa
Elakkan sengketa hidup harmoni
Kenali budaya rapatkan hubungan
Masyarakat gembira kita bahagia

Mari kawan hormati semua
Kita raikan pelbagai budaya
Wujud perpaduan di mana jua
Rakyat tenteram dan berjaya

Nukilan: Kugan a/l Ravendran

Hormati
Budaya
Bermasyarakat

IMBAS SAYA



- Berdasarkan lirik lagu, nyatakan kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat.
- Bagaimanakah kamu menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat?
- Mengapakah kamu patut menghormati adat dan tradisi kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat?
- Apakah perasaan kamu apabila dapat menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat?

6.1
6.2
6.3
6.4

Bimbing murid menyanyikan lagu mengikut melodi "Air Pasang Pagi".





KEPELBAGAIAAN BUDAYA BENTUK KEHARMONIAN

Lengkapkan infografik.

Saya menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat dengan mengenali perayaan masyarakat setempat.

Perayaan Harik Nyolong Buah

Masyarakat Orang Asli Suku Urang Huluk

02

Tanda ucapan terima kasih kepada semangat alam kerana memberikan hasil buah-buahan hutan.

04

Upacara ini akan dilakukan oleh seorang pawang.

01

Disambut pada bulan Ogos setiap tahun.

03

Selepas upacara berdoa di keramat dan bermandi tepung, semua akan ke rumah untuk bejamuk, iaitu makan kenduri besar-besaran di Balai Hadat.

[Sumber:
Buku Adat dan
Pantang Larang Orang
Asli Semenanjung
Malaysia-Suku Urang
Huluk (JAKUN)]

Perayaan Gawai Dayak

Masyarakat Dayak

01

Disambut pada bulan Jun.

02



03



04



IMBAS SAYA



Gawai Dayak

Keramat bermaksud kawasan suci bagi Orang Asli yang menjadi tempat untuk *bemintak* atau berdoa.

INFO

- Bagaimanakah kamu menghormati sambutan perayaan kuih bulan dalam hidup bermasyarakat?
- Mengapakah kamu patut menghormati kepelbagaian perayaan dalam hidup bermasyarakat?



Minta murid melayari Internet untuk mencari maklumat tentang perayaan Gawai Dayak, Ponggal dan perayaan kuih bulan. Murid menghasilkan infografik mengikut kreativiti.



HORMATI KEPELBAGAIAN BUDAYA

Mari berpidato.

Kamu menyertai pertandingan pidato yang bertajuk "Kebaikan Menghormati Kepelebagaian Budaya dalam Hidup Bermasyarakat" anjuran Persatuan Komuniti Bandar Bayu bersempena dengan sambutan bulan patriotik.



Yang dihormati tuan pengerusi majlis, barisan hakim yang bijaksana, Ahli Jawatankuasa Persatuan Komuniti Bandar Bayu dan para hadirin yang dikasihi sekalian. Tampilnya saya di sini untuk menyampaikan pidato yang bertajuk ...

Isi: 1

Contoh kepelbagaian budaya:

1. Makanan
2. _____
3. _____

Isi: 2

Cara menghormati kepelbagaian budaya:

1. Hormati hak budaya kaum lain
2. _____

Isi: 3

Keputusan menghormati kepelbagaian budaya:

1. Mewujudkan persefahaman
2. _____

Isi: 4

Perasaan menghormati kepelbagaian budaya:

1. Seronok
2. _____

Isi: 5

Kesimpulan

- Tulis pidato lengkap berdasarkan isi pidato yang diberikan.
- Apakah yang akan berlaku jika kamu mengabaikan amalan hormat dalam hidup bermasyarakat?





AMALAN HORMAT KUKUHKAN PERPADUAN

Mari melakukan aktiviti.

Sugen dan Eril sedang mencari maklumat tentang adat dan kepercayaan dalam hidup bermasyarakat di Pusat Internet Kampung Desa Permai.

Masyarakat Melayu

Bersalaman sambil mencium tangan apabila berjumpa dengan orang yang lebih tua sebagai tanda hormat.

Masyarakat Cina

Dalam upacara perkahwinan, pengantin akan memberikan teh kepada saudara-mara yang lebih tua untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Masyarakat Kadazandusun


Melakukan upacara sumuku untuk meminta izin daripada Tuhan Kinoingan. Upacara tersebut bertujuan untuk membuka tanah bagi pertanian ataupun sebagai tapak pembinaan rumah.

Masyarakat India

Sujud di kaki apabila berjumpa dengan orang yang lebih tua sebagai tanda mendapatkan restu.

Mari menghasilkan rantai kunci berdasarkan adat di atas.

Alatan dan Bahan



Cara-cara Menghasilkan Rantai Kunci

- 1 Taip dan cetak maklumat.
- 2 Salutkannya dengan plastik berlamin dan potong.
- 3 Tebuk lubang dan masukkan gelung besi.
- 4 Rantai kunci yang telah siap.



- Minta murid berkongsi rantai kunci dengan rakan yang berlainan bangsa.
- Minta murid menghasilkan album mini yang bertajuk "Kepelbagaian Adat dan Kepercayaan dalam Masyarakat".



**PUPUK
NILAI**

**UNIT
6**


AMALAN DIKUTI, HIDUP DIBERKATI

Mari kita melakukan aktiviti Main Peranan (Role Play).

PANDUAN AKTIVITI

1. Murid membentuk tiga kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi potongan kad Main Peranan.
3. Apabila wisel dibunyikan, wakil setiap kumpulan perlu mencari sebahagian potongan kad Main Peranan yang sama bentuk di dalam Kotak Ajaib dan cantumkananya.
4. Kumpulan yang dapat mencantumkan kad dahulu, akan memulakan lakonan.
5. Setiap kumpulan diberi masa 10 minit untuk membuat persediaan lakonan.
6. Apabila wisel kedua dibunyikan, kumpulan perlu bersedia untuk memulakan lakonan.
7. Lakonkan cara menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat.


Kad Main Peranan 1:
Kamu mengajak Salbiah sekeluarga ke majlis makan malam bersempena dengan sambutan Hari Vaisakhi di dewan orang ramai.



Kad Main Peranan 2:
Kamu bersama-sama dengan William dan Janting sedang menyaksikan perarakan kavadi semasa sambutan Thaipusam.



Kad Main Peranan 3:
Kamu mengikut Aalona untuk menyaksikan Tarian Ngajat masyarakat Iban bersempena dengan sambutan Hari Gawai di Kampung Keniong Lama.



Mengapakah kamu patut menghormati kepelbagaian budaya dalam situasi di atas? Bincangkan.

6.1
6.3
6.5

Minta murid menunjukkan amalan sikap menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat semasa aktiviti Main Peranan.



57
KPM



Jawab soalan berdasarkan tindakan kamu.



Jasmine Kaur menghadiri Pesta Makanan dan Pakaian Tradisional Masyarakat Bandar Sentosa anjuran Persatuan Penduduk Bandar Sentosa. Terdapat hidangan makanan yang melambangkan kepelbagaian budaya. Jasmine Kaur menghormati masyarakat setempat yang hadir dengan memberikan salam dan bertegur sapa. Jasmine Kaur menghadiri pesta tersebut dengan memakai pakaian tradisional.

Bagaimanakah Jasmine Kaur menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat?

Mengapakah Jasmine Kaur patut menghormati budaya makanan, pakaian dan bahasa dalam pesta tersebut?


Apakah perasaan kamu apabila dapat menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat?

Jika kamu Jasmine Kaur, bagaimanakah kamu menghormati kepelbagaian budaya dalam pesta tersebut?

JANA
IDEA

UNIT
7

RUMAH
ANAK YATIM
KAMPUNG SEJAHTERA





Baca dan fahami sajak.

Ravi sentiasa mengamalkan sikap menyayangi masyarakat. Dia ingin menyampaikan sebuah sajak yang bertemakan kasih sayang dalam Majlis Hari Komuniti Kampung Sejahtera. Dia berlatih mendeklamasikan sajak yang dihasilkannya di hadapan rakan-rakan.

Kasih sayang adalah perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.

Kasih sayang adalah kepekaan terhadap masyarakat demi keharmonian dan kesejahteraan.

Kasih sayang dicurahkan kepada semua insan dalam masyarakat.

Yang tua mahupun yang muda
Yang bertuah mahupun yang serba kekurangan.

Kasih sayang menyinari kehidupan menghapuskan persengketaan dalam masyarakat yang kita sayangi.

Nukilan: Shanmuga Velu a/l Subramanian



- Berpandukan sajak di atas, nyatakan cara kamu menyayangi masyarakat.
- Bincangkan kepentingan amalan menyayangi masyarakat.
- Nyatakan perasaan kamu ketika mengamalkan sikap menyayangi masyarakat.



NOTA
GURU

Bimbing murid untuk mendapatkan maklumat tentang kasih sayang terhadap masyarakat daripada Internet, majalah atau surat khabar.



SAYANGI WARGA EMAS

Fahami situasi.

Pejabat Kebajikan Masyarakat merancang untuk menganjurkan acara sukaneka bagi warga emas di kawasan pangsapuri Taman Mentari. Penganjur memerlukan beberapa orang pembantu untuk menjayakan acara itu.

John, saya ingin menjadi pembantu dalam acara tersebut. Saya boleh membantu mengedarkan minuman kepada warga emas.

Hal ini akan memberikan peluang kepada kita untuk memupuk amalan kasih sayang kepada warga emas. Kehidupan kita lebih sejahtera apabila golongan ini tidak diabaikan.

Saya pun berminat, Kim. Saya boleh membantu penganjur mengedarkan peralatan permainan.

Ya, Kim. Saya akan berasa amat gembira sekiranya dipilih sebagai pembantu kerana dapat mengambil berat terhadap golongan yang memerlukan kasih sayang.


PENGUMUMAN
 Pejabat Kebajikan Masyarakat
 Sukaneka untuk Warga Emas
Tarikh:
 26.5.20□□
Masa:
 9:00 pagi – 12:00 tengah hari
Tempat:
 Padang Awam, Taman Mentari



- Adakah kamu akan mengamalkan kasih sayang terhadap masyarakat seperti yang dinyatakan dalam situasi di atas? Jelaskan.
- Huraikan kepentingan amalan menyayangi masyarakat.
- Ceritakan pengalaman kamu atau rakan lain tentang amalan menyayangi masyarakat.

- 7.1
- 7.2
- 7.3
- 7.5


Tayangan video tentang kasih sayang terhadap warga emas boleh digunakan untuk membincangkan perasaan murid ketika mengamalkan sikap tersebut.





KAMI PRIHATIN

Teliti carta alir.



- Apakah cara lain untuk memupuk kasih sayang terhadap golongan OKU dalam masyarakat?
- Jelaskan perasaan kamu berdasarkan situasi di atas.
- Anggota masyarakat patut memupuk amalan menyayangi golongan tertentu seperti OKU. Jelaskan.






IBU TERAS KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Fahami situasi.

Pada minggu hadapan, Laura, Agalya dan Gan akan menghadiri Majlis Sambutan Hari Ibu di Taman Bersatu. Bersempena dengan majlis itu, mereka merancang untuk melakukan sesuatu bagi menunjukkan kasih sayang mereka terhadap kaum ibu.



Marilah kita membuat kejutan untuk kaum ibu dari Taman Bersatu sebagai tanda kasih sayang kita terhadap mereka.


Ya. Saya sokong. Saya bercadang untuk membuat gelang manik dan menghadiahkannya kepada mereka. Mereka pasti menyukainya.

Ya, saya setuju. Kita juga akan berasa bangga apabila dapat menyayangi kaum ibu. Keadaan ini akan merapatkan hubungan kita dengan masyarakat setempat.

- Mengapakah kamu patut mengamalkan sikap kasih sayang terhadap kaum ibu dalam masyarakat?
- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap kasih sayang terhadap anggota masyarakat, khususnya kaum ibu.




PROJEK KASIH SAYANG



 Laksanakan projek ini.

Suren, Kalas, Kandeh dan Sarom ingin menyertai pertandingan Persembahan Amalan Kasih Sayang terhadap Masyarakat menggunakan aplikasi MS PowerPoint.

Kami amat menyayangi masyarakat setempat di Taman Sejahtera. Kami mempunyai beberapa pengalaman yang boleh kami kongsi dengan menyertai pertandingan ini.



Mereka mengikuti langkah-langkah untuk menghasilkan slaid persembahan PowerPoint seperti yang berikut.



AMALAN KASIH SAYANG

Kami percaya amalan kasih sayang terhadap masyarakat penting demi kesejahteraan hidup.

3

CARA MENGAMALKAN SIKAP KASIH SAYANG

Kami menyayangi masyarakat dengan:

- Meluangkan masa dengan warga emas
- Menyertai aktiviti seperti Hari Kanak-kanak
- Bergaul dengan golongan istimewa

4

CARA MEMUPUK KASIH SAYANG

Kami memupuk amalan kasih sayang dengan:

- Senyum
- Bersalaman
- Bertegur sapa
- Bersimpati

5

KEPENTINGAN MENYAYANGI MASYARAKAT

- Mengeratkan hubungan silaturahim
- Mewujudkan persefahaman dalam kalangan masyarakat
- Meningkatkan kesejahteraan hidup

6

APABILA MENYAYANGI MASYARAKAT, KAMI BERSA:

- Gembira dan berpuas hati
- Bangga terhadap diri sendiri
- Hidup menjadi lebih bermakna

7

Oleh itu, marilah kita menyayangi masyarakat demi kesejahteraan hidup.

8

- Jelaskan cara kamu memupuk amalan menyayangi masyarakat.
- Perihalkan perasaan kamu apabila dapat mengamalkan kasih sayang terhadap anggota masyarakat.
- Mengapakah kamu wajar menyayangi masyarakat?



SANDWIC KASIH SAYANG

Laksanakan tugas ini.

Mimi menyertai pertandingan memasak yang bertemakan "Sayangi Masyarakat Kita" di Kampung Baru Simpang Tiga. Dalam persembahannya, dia mengaitkan amalan pemupukan kasih sayang dengan cara membuat sandwic.

- Para hadirin sekalian, sekarang saya akan menunjukkan cara membuat "sandwic kasih sayang" terhadap masyarakat.
- Mula-mula, sediakan dua keping roti empati.
 - Sifat empati menjadi asas kepada amalan kasih sayang seseorang.
- Kemudian, sapukan marjerin prihatin pada sekeping roti empati.
 - Tindakan ini adalah sama seperti menanam sifat prihatin dan peka terhadap masyarakat.
- Selepas itu, letakkan salad beradab, telur rebus ikhlas, keju cinta dan sedikit mayones peramah.
- Segala ramuan ini ialah asas bagi sikap menyayangi masyarakat.
- Akhirnya, letakkan sekeping roti empati pada lapisan atas.
- Sandwic kasih sayang sudah siap sedia untuk dihidangkan kepada masyarakat.

Bahan-bahan yang diperlukan:



- Jelaskan cara kamu memupuk amalan kasih sayang dalam masyarakat.
- Huraikan kepentingan menyayangi pelbagai golongan anggota masyarakat.
- Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap kasih sayang terhadap anggota masyarakat?
- Apakah yang akan kamu lakukan untuk menyayangi masyarakat di tempat tinggal kamu?



**PUPUK
NILAI**

**UNIT
7**

SAYANGI MASYARAKAT KITA

Fahami poster kasih sayang.

Guntingkan gambar pada poster di sebelah secara berasingan. Kemudian, nyatakan cara menyayangi anggota masyarakat.

Contoh:



Cara menyayangi:



IMBAS SAYA



Poster
Kasih Sayang



- Nyatakan cara lain menyayangi anggota masyarakat.
- Lakonkan situasi amalan kasih sayang dalam masyarakat bagi setiap gambar.
- Huraikan kepentingan menyayangi setiap golongan dalam masyarakat kamu.

7.1
7.2
7.3
7.5

- Gambar lain boleh digunakan untuk aktiviti ini.
- Perbanyak poster untuk melaksanakan aktiviti ini.





Jawab soalan.

Kesejahteraan Masyarakat Melalui Amalan Kasih Sayang

Oleh: Siti Sofia Md Nasir

KUCHING – “Kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat dapat dicapai dengan adanya amalan kasih sayang yang ikhlas,” kata Tuai Rumah, Lantang Anak Kalas. Oleh itu, setiap individu patut peka dan berperasaan cinta secara ikhlas terhadap semua anggota masyarakat, khususnya golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). “Kasih sayang boleh diamalkan dengan meluangkan masa bersama-sama dengan anggota masyarakat atau meraikan hari-hari istimewa,” katanya lagi.



“Kasih sayang dapat mengeratkan hubungan sesama anggota masyarakat. Kasih sayang juga akan menghindarkan kita daripada sebarang perselisihan faham,” tambah beliau lagi.

Berita Nasional, Rabu, 15 Mei 20□□

1. Senaraikan contoh amalan menyayangi masyarakat seperti yang terdapat dalam keratan akhbar di atas.

2. Nyatakan cara kamu memupuk sikap menyayangi masyarakat.

3. Jelaskan kepentingan amalan kasih sayang dalam masyarakat.

4. Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap menyayangi semua golongan masyarakat?

UNIT 8

JANA
IDEA


HARI KELUARGA
TAMAN MELODI




SURI TELADAN DICONTOKHI MASYARAKAT

 Baca dan fahami.

Saya Roboto. Saya telah dianugerahi Tokoh Kanak-kanak Keadilan dalam Kempen Kesedaran Moral anjuran komuniti setempat. Saya diminta berkongsi pengalaman bersikap adil dalam hidup bermasyarakat untuk dijadikan teladan kepada anggota masyarakat.



Semasa Pesta Makanan anjuran persatuan perumahan, saya ditugaskan untuk mengagihkan aiskrim. Kawan baik saya meminta dua batang aiskrim. Saya menolak permintaannya kerana setiap orang hanya dibekalkan sebatang aiskrim sahaja.



Saya dan kawan-kawan berlatih bermain futsal di stadium untuk pertandingan futsal anjuran persatuan taman perumahan. Saya mengajak Unini menyertai latihan bersama-sama walaupun dia berlainan jantina dengan kami.

Tomomo dituduh mengambil peranti realiti maya Zeni, anak penghulu. Tomomo sangat sedih. Saya meminta Zeni menyiasat perkara tersebut terlebih dahulu dan tidak menuduh sesiapa tanpa bukti yang kukuh. Selepas siasatan dijalankan, Zeni mendapati peranti realiti mayanya diambil oleh adiknya. Saya berasa syukur kerana sikap adil saya dapat mengelakkan berlakunya perselisihan faham antara anggota masyarakat.



Saya mengagihkan tugas mengemas buku di perpustakaan komuniti. Selepas membuat pertimbangan, saya meminta Kimini menyusun buku di bahagian atas rak buku, manakala Eono menyusun buku di bahagian bawah rak buku. Mereka bersetuju dengan agihan saya kerana saya mempertimbangkan ketinggian mereka.



- Senaraikan contoh amalan adil dalam hidup bermasyarakat.
- Nyatakan kepentingan amalan adil dalam hidup bermasyarakat.
- Huraikan kesan pengabaian amalan adil dalam hidup bermasyarakat.
- Apakah perasaan kamu apabila dapat bersikap adil dengan anggota masyarakat?

8.1
8.2
8.3
8.4

Minfa murid melakonkan amalan adil dalam situasi di atas.





AMALAN ADIL, HAK DIPELIHARA

Baca dan fahami dialog.

Abang, saya hendak dua keping roti telur.

Entahlah, mata saya merah sejak pagi ini.

Abang, tidak adil kita bercakap begitu. Dia belum disahkan menghidap sakit mata. Dia berhak berkunjung ke mana-mana tempat awam.

Tidak mengapa.

Baik. Mengapakah mata kanan kamu kemerah-merahan?

Oh, kamu sakit mata! Kamu tidak boleh datang ke sini. Penyakit ini berjangkit.

Ya, betul katanya. Kita perlu memastikan sesuatu fakta itu sahih sebelum menyuarakan pandangan. Jangan mengikut anggapan sendiri.

Maafkan saya, adik.




- Apakah yang akan berlaku sekiranya amalan adil dalam hidup bermasyarakat diabaikan? Jelaskan.
- Lakonkan amalan adil ketika kamu berada di tempat awam. Contohnya, pasar malam, pawagam dan taman rekreasi.



Konjunktivitis
(Sakit mata)

BERSIKAP ADIL, MASYARAKAT HARMONI

 Fahami peta minda.



Eh, cucu
ketua
kampung!

Saya terpilih menjadi ketua kumpulan pembersihan Balai Raya Kampung Bunga Ros. Saya mendapati salah seorang ahli kumpulan saya ialah cucu ketua kampung. Bagaimanakah saya mengagihkan tugas pembersihan?

Tindakan Adil

Mengagihkan tugas mengikut kemampuan ahli kumpulan dari segi jantina, tenaga dan kebolehan.

Kesan

Semua ahli kumpulan berasa gembira dan menurut arahan saya.

Perasaan

Bangga kerana ahli kumpulan bersetuju dengan keputusan saya.

Tindakan Tidak Adil

Mengagihkan tugas yang lebih ringan kepada cucu ketua kampung demi kepentingan diri sendiri.

Kesan

Ahli kumpulan lain berasa tidak berpuas hati dan enggan melaksanakan tugas.


Perasaan

Sedih kerana tidak mendapat sokongan daripada ahli kumpulan.

- Nyatakan contoh lain kamu bersikap adil terhadap anggota masyarakat.
- Huraikan kepentingan amalan adil dalam hidup bermasyarakat.
- "Kamu sedang mengagihkan belon kepada kanak-kanak dalam Pesta Seni dan Budaya Kanak-kanak anjuran persatuan taman perumahan. Kawan karib kamu meminta kamu memberikan dua biji belon kepadanya sedangkan kanak-kanak yang lain hanya mendapat sebiji belon setiap seorang." Hasilkan peta minda dengan mempertimbangkan tindakan adil dan tindakan tidak adil.



AMALAN ADIL KUKUHKAN SILATURAHIM

 Hasilkan slaid dan bentangkan.

1

Amalan Adil Kukuhkan Silaturahim

Nama: Koh Ze Liang
Kelas: 5 Amanah

3

Amalan Adil Saya

- Saya mengadili pertandingan secara adil.
- Saya tidak membeza-bezakan pemain.
- Saya menganggap semua peserta adalah sama.
- Saya tidak bersikap pilih kasih.

2

Situasi

- Saya menjadi pengadil pertandingan badminton anjuran persatuan penduduk taman.
- Sepupu saya merupakan salah seorang peserta pertandingan badminton.
- Dia meminta saya menyebelahnya semasa pertandingan.
- Sepupu saya pernah menjadi jurulatih saya.
- Apakah yang perlu saya lakukan?

4

Kepentingan Bersikap Adil

- Mengelakkan salah faham.
- Peserta akur terhadap keputusan pertandingan.
- Meningkatkan persefahaman.
- Memperkukuh silaturahim.

5

Amalan Tidak Adil Saya

- Saya menyebelahi sepupu ketika membuat keputusan.
- Kesalahan sepupu diabaikan.



Situasi A

Dalam pertandingan melukis poster anjuran kelab komuniti, kamu mendapati anak penghulu meniru. Dia merayu kepada kamu supaya tidak melaporkan perkara tersebut.

Situasi B

Semasa hari keluarga di taman perumahan, kamu ditugaskan untuk mengagihkan cenderamata kepada para pengunjung. Apabila tinggal sebuah cenderamata, kawan karib kamu dan seorang penduduk taman tiba pada masa yang sama.

6


Kesan Pengabaian Amalan Adil

- Menimbulkan kemarahan kerana tidak puas hati dengan keputusan pertandingan.
- Hubungan menjadi renggang.
- Kepercayaan terhakis.

7

Refleksi

- Saya berasa syukur kerana diberi kepercayaan bertugas sebagai pengadil. Sikap adil saya telah mengeratkan hubungan sesama anggota masyarakat dan mengukuhkan keharmonian dalam hidup bermasyarakat.



Contoh PowerPoint


- Berdasarkan Situasi A atau Situasi B di atas, hasilkan persembahan MS PowerPoint yang menarik dan kreatif.

8.1
8.2
8.3
8.4

- Minta murid membuat buku skrap jika tiada kelengkapan komputer.
- Minta murid membentangkan hasil kerja mereka.





 Mari bermain.

CARA BERMAIN


1. Atur gelung plastik untuk dijadikan laluan.
2. Murid membentuk dua pasukan dan beratur di Zon A dan di Zon B.
3. Pemain pertama daripada kedua-dua pasukan melompat ke dalam gelung plastik satu demi satu apabila wisel dibunyikan.
4. Apabila kedua-dua pemain bertemu, mereka menunjukkan isyarat "Batu, Gunting, Kertas" untuk mengalahkan lawan.
5. Pemain yang menang akan menjawab soalan untuk mendapatkan ganjaran.
6. Pemain yang kalah tersingkir daripada meneruskan permainan dan digantikan dengan ahli pasukan yang lain.
7. Apabila wisel dibunyikan, pemain yang menang meneruskan lompatan, manakala pemain pihak lawan yang seterusnya akan memulakan lompatan dari mula.
8. Ulangi langkah 4, 5, 6 dan 7 sehingga tiba di zon pihak lawan untuk mendapatkan ganjaran bonus.

Soalan

Dalam majlis rumah terbuka anjuran persatuan penduduk, bagaimanakah kamu mengagihkan makanan kepada anggota masyarakat secara adil? Berikan contoh.

Soalan

Amanda hendak menyertai pasukan bola sepak di taman perumahan kamu. Apakah tindakan adil kamu?

- Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap adil dalam aktiviti kemasyarakatan?
- Seseorang yang adil akan disanjung oleh anggota masyarakat.  Bincangkan.



- Sebelum memulakan permainan, sediakan pelbagai soalan.
- Minta murid membahagikan ganjaran secara adil sesama ahli pasukan.



PENGUNDIAN ADIL, KEPUTUSAN DIYAKINI



Fahami situasi dan main peranan.

Kamu sedang menyaksikan pertandingan nyanyian lagu patriotik yang diadakan di taman perumahan. Para penonton diamanahkan untuk membuat undian bagi memilih pemenang. Setiap penonton hanya mempunyai sekali peluang mengundi. Berdasarkan undian penonton, siapakah secara adil layak untuk memenangi pertandingan ini?



Peserta ke-4 paling baik, suaranya merdu tetapi orangnya nampak sombong.

Peserta ke-3 tidak mendapat bunga. Kasihannya.

Ibu menyuruh saya memilih peserta ke-2 kerana peserta itu anak kawannya tetapi persembahannya kurang menarik.

Peserta pertama ialah kawan karib saya tetapi persembahan peserta ke-4 lebih menarik.

Peserta ke-5 pernah membantu saya tetapi persembahannya kurang memuaskan.

- Ramalkan kesan jika pengundian dijalankan secara tidak adil.
- Apakah perasaan kamu apabila dapat bertindak adil sesama anggota masyarakat?



- 8.1
- 8.3
- 8.4
- 8.5

Sediakan bahan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti main peranan dalam situasi mengundi.






KARNIVAL JUALAN AMAL
ANJURAN KAMPUNG BATU KARANG

1. Kampung kamu akan mengadakan Karnival Jualan Amal. Kamu dikehendaki mengagihkan tugas persediaan tapak mengikut kebolehan rakan-rakan sekampung.

NAMA	KEBOLEHAN	TUGAS
 Zairi	Paling tinggi.	● Menghias gerai.
 Emily	Pemenang pertandingan melukis.	● Menyusun kerusi dan meja.
 Sindun	Mahir membuat kerja rumah.	● Menggantung belon.
 Nathan	Badan kuat dan bertenaga.	● Mengelap meja, kerusi dan gerai.
 Ajay	Mahir dengan kerja pertukangan.	● Memasang khemah.
 Ratih	Mahir menggunakan komputer.	● Menghasilkan poster.

2. Adakah rakan-rakan sekampung akan akur terhadap tugas yang kamu agihkan? Berikan alasannya.
-

Tandas ini untuk kegunaan orang kurang upaya sahaja.





Hayati situasi.

Jimmy Anak Ruji sedang mengulang kaji pelajaran. Pada ketika itu, dia terdengar bunyi bising motosikal yang tidak menyenangkan.



Pada keesokan hari ...



Di Pejabat Persatuan Komuniti Perumahan Mayuri ...

Selamat pagi, encik. Kami hendak membuat aduan mengenai kegiatan lumba haram yang berlaku di kawasan perumahan kami. Kegiatan tersebut melibatkan golongan remaja dari taman perumahan kami juga.

Kami berharap agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil demi ketenteraman hidup masyarakat setempat.

Catatan	Tugas	Peronda
1. Blok A	1. Rondaan	Siva
- Pem...	2. Semakan	2. Karim
2. B...	3. Laport	3. Steven
- B...	4. Pengesahan	

Bagus dan syabas Encik Ruji dan Jimy. Saya akan melaporkan isu ini kepada pihak rondaan malam untuk bertindak dengan segeranya. Terima kasih.

- Berdasarkan cerita di atas, berikan contoh amalan berani dalam hidup bermasyarakat.
- Apakah cabaran yang akan dihadapi oleh Jimy apabila bersikap berani dalam hidup bermasyarakat?
- Mengapakah Jimy patut bersikap berani dalam situasi di atas?
- Apakah perasaan kamu apabila bersikap berani seperti Jimy dalam situasi di atas?

Minta murid menulis aduan kepada persatuan komuniti mengenai masalah lumba haram ini menggunakan pelbagai media elektronik.





SANG LEBAH BERANI, RIMBA HARMONI

Hayati cerita.

Sang Nuri, Sang Ayam, Sang Monyet dan Sang Helang hidup bermasyarakat di Rimba Amazona. Sang Helang merupakan penghuni yang sangat garang dan ditakuti oleh masyarakat yang lain.



Pada suatu hari, semasa Sang Nuri, Sang Ayam dan Sang Monyet pulang dengan makanan, mereka terserempak dengan Sang Helang. Sang Helang meminta makanan mereka.

“Tidak! Makanan ini untuk keluarga saya. Nanti anak saya lapar,” kata Sang Ayam.

“Eh, kamu jangan berani sangat! Nanti saya makan kamu,” kata Sang Helang dengan suara yang menyeramkan. Akhirnya, Sang Ayam memberikan makanannya kepada Sang Helang.



Tindakan Sang Helang itu menyebabkan masyarakat di Rimba Amazona hidup kelaparan. Oleh itu, Sang Nuri, Sang Ayam dan Sang Monyet berjumpa dengan Ketua Komuniti Rimba Amazona, Sang Lebah untuk mengadukan masalah ini.

“Jangan risau, kita patut menghadapi cabaran ini dengan beraninya. Saya ada jalan penyelesaian,” kata Sang Lebah kepada mereka.



Pada keesokan hari, semasa Sang Nuri, Sang Ayam dan Sang Monyet pulang dengan membawa makanan, Sang Helang telah meminta makanan Sang Nuri.

"Tidak boleh. Saya tidak akan memberikan makanan kepada si pemalas," kata Sang Nuri dengan garangnya.

"Berani kamu?" kata Sang Helang lalu merampas makanan Sang Nuri.



Apabila Sang Helang membuka bakul makanan Sang Nuri, maka keluarlah Sang Lebah dan kawan-kawannya daripada bakul itu dan mula menyengat Sang Helang. Sang Helang menjerit kesakitan lalu terbang dari situ.



Sang Nuri, Sang Ayam dan Sang Monyet memuji sikap berani yang ditunjukkan oleh Sang Lebah dan kawan-kawannya. Sang Lebah berasa bangga kerana bersikap berani demi menjaga keselamatan masyarakat. Kehidupan mereka juga semakin bahagia dan harmoni.



- Berikan contoh amalan berani yang dilakukan oleh Sang Lebah dalam cerita di atas.
- Apakah cabaran yang akan dihadapi oleh masyarakat Rimba Amazona apabila bersikap berani dalam situasi di atas? Ramalkan.
- Mengapakah Sang Lebah patut bersikap berani dalam hidup bermasyarakat di Rimba Amazona?

9.1
9.2
9.3
9.5

Minta murid main peranan situasi di atas dengan menunjukkan sikap berani dalam hidup bermasyarakat.





Mari kita lafazkan gurindam.

Jika kamu bersikap berani,
Hidup masyarakat menjadi harmoni.

Jangan takut jangan gentar,
Hadapi cabaran dengan pintar.

Berikan teguran secara berhemah,
Hubungan masyarakat menjadi ramah.

Apabila kamu memberikan nasihat,
Kesesuaian tempat patut dilihat.

Buat aduan ikut saluran,
Langkah betul menjadi panduan.

Aduan bertulis secara berhemat,
Hadapi rintangan dengan cermat.

Sikap berani sikap terpuji,
Keselamatan semua sentiasa dijanji.

Nukilan: Kugan a/l Ravendran



Senaraikan contoh amalan berani dalam hidup bermasyarakat.

Berdasarkan gurindam di atas:

Nyatakan kepentingan amalan berani dalam hidup bermasyarakat.

- Senaraikan amalan berani yang terdapat dalam gurindam di atas.
- Nyatakan perasaan kamu setelah amalan berani dalam hidup bermasyarakat dapat diwujudkan.

Gurindam bermaksud sajak dua baris yang berisi nasihat atau pengajaran.

INFO

9.1
9.2
9.3
9.4



**HEBAT
INSAN**

HADAPI CABARAN KEKALKAN KEBENARAN

Fahami situasi dan lengkapkan infografik.

Setiap hujung minggu, Ming Kit dan kawan-kawannya menjalani latihan badminton di Kompleks Rekreasi Pangsapuri Pasir Emas.



Semua makanan di sini berminyak.

Tandas awam di kompleks rekreasi itu semakin kotor dan berbau. Lampu juga tidak berfungsi. Makanan yang dijual di kafeteria juga berminyak. Kadangkala kuantiti makanan sangat sedikit.

Cara bersikap berani bagi mengatasi masalah dalam situasi di atas.



1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

Apakah cabaran yang dihadapi oleh Ming Kit apabila bersikap berani dalam masalah di atas?



1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

- Berdasarkan situasi, mengapakah Ming Kit patut mengamalkan sikap berani?
- Lakonkan situasi di atas dengan mengamalkan sikap berani dalam hidup bermasyarakat.


9.1
9.2
9.3
9.5

Minta murid melakonkan situasi di atas dengan mengamalkan sikap berani dalam hidup bermasyarakat.






HADAPI CABARAN TUNJUKKAN KEYAKINAN


 Mari kita terima cabaran kawan.

CARA BERMAIN

1. Murid membentuk dua kumpulan.
2. Wakil daripada setiap kumpulan akan bermain Petak Cabaran secara berpasangan.
3. Wakil kumpulan perlu menulis huruf B, E, R, A, N, dan I secara bergilir-gilir untuk membentuk perkataan BERANI.
4. Pemenang memberikan Soalan Cabaran yang disediakan kepada pasangannya yang kalah.
5. Kumpulan yang menerima cabaran perlu membaca situasi dan melakukan tindakan berani dalam hidup bermasyarakat.
6. Kumpulan yang menang dalam Petak Cabaran mendapat tiga markah.
7. Kumpulan yang menerima cabaran akan mendapat dua markah jika melakukan situasi dengan betul.
8. Kumpulan yang mendapat markah paling tinggi dianggap pemenang.

IMBAS SAYA

Petak
Cabaran



Soalan Cabaran 1

Kamu ternampak beberapa orang peniaga menjual makanan berhampiran dengan padang awam walaupun ada papan tanda kawasan larangan menaja.

Soalan Cabaran 2

Ketika membeli barang di Pasar Mini Warisan, kamu mendapati ada makanan yang dijual telah tamat tarikh luputnya.

Soalan Cabaran 3

Kamu menegur seorang pemuda yang menghisap rokok di meja sebelah kamu ketika sedang makan di Restoran Mak Cik Kiah.

Soalan Cabaran 4

Semasa berjoging di taman permainan bersama-sama dengan ayah, kamu ternampak beberapa orang budak sedang bermain buaian sambil berdiri dalam keadaan bahaya.

- Berdasarkan situasi di atas, apakah cabaran yang akan kamu hadapi semasa bersikap berani dalam hidup bermasyarakat?
- Apakah kepentingan amalan berani dalam hidup bermasyarakat?

- Murid melayari Internet atau pelbagai media sosial untuk mendapatkan berita tentang sikap berani dalam hidup bermasyarakat.
- Cetak dan kongsi berita tersebut dengan rakan sekelas yang lain.





A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

1. Kamu patut bersikap _____ untuk menghadapi situasi dengan yakin dan tabahnya dalam hidup bermasyarakat.
2. Kamu perlu memberikan _____ secara berhemah terhadap masyarakat yang melakukan kesalahan.
3. Jika kamu berhadapan dengan anggota masyarakat yang melakukan kesalahan, buat aduan menggunakan _____ yang betul demi ketenteraman.
4. Kamu perlu bertindak dengan _____ yang kukuh apabila berhadapan dengan masyarakat yang melakukan kesalahan.
5. Sikap berani yang kamu tunjukkan dalam hidup bermasyarakat dapat menjamin _____ yang harmoni.

B. Teliti situasi dan jawab soalan.

Tong barangan terpakai yang terletak berhampiran dengan Balai Raya Taman Anggerik dipenuhi dengan barang buangan di sekelilingnya. Tindakan masyarakat menyebabkan pemandangan yang tidak menyenangkan.



1. Apakah amalan berani yang boleh kamu lakukan?

2. Apakah cabaran amalan berani yang kamu hadapi?

3. Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap berani dalam hidup bermasyarakat?

Pasar Raya

GEEMA

JANA
IDEA

UNIT 70



Eh, bakinya terlebih! Saya patut memulangkannya.



 Baca dan fahami ikrar.

Kelab Remaja Taman Seri Hijau menganjurkan Kem Tunas Cemerlang untuk kanak-kanak di Taman Seri Hijau. Kem tersebut diadakan selama tiga hari dua malam. Haridas diberi pengiktirafan untuk membaca ikrar dalam majlis perasmian kem itu.



IKRAR

Bahawasanya kami, peserta Kem Tunas Cemerlang, berikrar dan berjanji akan:

- Bercakap benar dalam semua situasi;
- Mengamalkan sikap ikhlas sepanjang sesi perkhemahan;
- Amanah terhadap segala tugas yang diberikan; dan
- Kami juga sedar bahawa sikap jujur yang diamalkan sepanjang sesi kem ini akan menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

- Senaraikan contoh amalan jujur yang boleh kamu lakukan dalam hidup bermasyarakat.
- Nyatakan cara kamu memupuk amalan jujur dalam hidup bermasyarakat.
- Mengapakah kamu perlu mengamalkan sikap jujur dalam hidup bermasyarakat?
- Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap jujur dalam hidup bermasyarakat?



PENGIKTIRAFAN KERANA KEJUJURAN

Fahami situasi.

Persatuan Peningkatan Nilai Moral Thiruvalluvar menganjurkan sambutan Hari Kanak-kanak di Kampung Teratai. Anisha telah dipilih sebagai penerima Anugerah Kejujuran di Kampung Teratai.

Para hadirin sekalian, bersempena dengan sambutan Hari Kanak-kanak, Persatuan Peningkatan Nilai Moral Thiruvalluvar dengan bangganya ingin menyampaikan Anugerah Kejujuran kepada seorang kanak-kanak dari kampung kita.

Izinkan saya untuk membacakan biodata penerima anugerah tersebut.

BIODATA PENERIMA

- Anisha, 11 tahun, merupakan seorang kanak-kanak yang berasal dari Kampung Teratai. Dia telah banyak menunjukkan sikap kejujuran dalam kehidupan bermasyarakat.
- Dia sentiasa bercakap benar dalam apa-apa juga situasi. Sifat keikhlasannya juga sentiasa menjadi perbualan dalam kalangan masyarakat Kampung Teratai.
- Selain itu, dia tidak mengharapkan sebarang balasan bagi setiap bantuan yang dihulurkannya kepada warga emas Kampung Teratai. Setiap hari, Anisha akan membantu seorang warga emas yang berniaga di pasar. Dia tidak pernah mengharapkan sebarang bayaran. Amalan kejujuran dan keikhlasannya itu wajar dijadikan teladan oleh kanak-kanak lain di kampung ini.

- Jelaskan contoh amalan jujur kamu selain yang dimiliki oleh tokoh ini.
- Bagaimanakah kamu memupuk amalan jujur dalam hidup bermasyarakat?
- Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap jujur dalam hidup bermasyarakat?





Baca dan fahami.



Selamat petang, pak cik. Saya hendak membeli gula-gula sebanyak 20 sen.

Ini gula-gulanya, pak cik. Saya ambil tiga biji sahaja.

Ambillah sendiri, Chee Keong.

Baiklah. Kamu tidak perlu tunjukkannya kepada saya. Saya tahu kamu bercakap benar.



Selamat pagi, puan. Saya ingin memulangkan buku yang saya pinjam tetapi terdapat helaian yang terkoyak. Maaf. Saya tidak sengaja.

Tidak mengapa, adik. Kami akan membaikinya. Saya bangga dengan sikap jujur kamu dalam hal ini.

- Pada pendapat kamu, apakah kepentingan amalan jujur Chee Keong dalam hidup bermasyarakat?
- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat bersikap jujur dalam masyarakat.



Fahami berita dalam blog.

Amalan jujur dalam hidup bermasyarakat sering menjadi tajuk utama dalam media massa dan laman sosial. Jaswant Singh menulis blog tentang kisah kawannya, Jery.

SAYA DAN MASYARAKAT

CORETAN TENTANG KEMASYARAKATAN

18 September 20□□

KEJUJURAN JERY PERLU DICONTOHI



Semalam, saya dan rakan saya, Jery, pergi ke restoran yang terletak di kawasan perumahan kami. Ketika sedang makan, Jery mendapati seorang pemuda di meja makan sebelah tertinggal telefon bimbitnya lalu beredar dari restoran itu. Jery dengan pantas mengambil telefon bimbit itu dan bergegas ke pintu restoran. Dia memulangkannya kepada pemuda itu. Pemuda itu berasa amat gembira dan lega kerana hampir kehilangan telefon bimbitnya yang agak mahal. Pemuda itu memberikan wang kepada Jery atas tindakan jujurnya. Jery menolak pemberian itu. Sebaliknya, dia berasa gembira dan bangga kerana dapat bersikap jujur terhadap anggota masyarakat.

Tentang saya



Jaswant Singh

Lihat profil lengkap saya

CATATAN...

▼ 20...(1)

▼ KEJUJURAN JERY
PERLU DICONTOHI

► 20...(10)

► 20...(25)

- Jelaskan cara kamu memupuk amalan jujur dalam hidup bermasyarakat.
- Pada pendapat kamu, mengapakah amalan jujur Jery wajar dicontohi?
- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat bersikap jujur dalam masyarakat.
- Ceritakan amalan kejujuran kamu dalam hidup bermasyarakat.





BERNIAGA SECARA JUJUR

Fahami cerita dan lengkapkan peta minda.

Sanawi membantu ayahnya mengusahakan pasar raya di Kampung Sungai Lingkau. Baru-baru ini, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) telah mengadakan satu program pengiktirafan kepada pengusaha pasar raya yang mengamalkan sikap jujur demi kepentingan masyarakat setempat.



Amalan jujur saya sebagai pengusaha pasar raya terhadap masyarakat.









Saya tidak akan menjual barangan tamat tempoh.


- Apakah faedah yang kamu peroleh apabila bersikap jujur seperti Sanawi dan ayahnya?
- Jelaskan cara memupuk amalan jujur dalam hidup bermasyarakat.
- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat bersikap jujur terhadap anggota masyarakat.

- 10.1
- 10.2
- 10.3
- 10.4

Bimbing murid menghasilkan peta minda yang mengandungi amalan jujur dalam hidup bermasyarakat.





 Laksanakan aktiviti Jalan Galeri.

Kelas bimbingan anjuran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Tawas Gemilang mengendalikan satu aktiviti Jalan Galeri bagi tema "Kejujuran".

PANDUAN AKTIVITI

Murid-murid dibahagikan kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada tiga orang murid. Setiap kumpulan akan bergerak dari satu stesen ke stesen lain sambil mencatat maklumat yang dikehendaki dalam setiap situasi pada kertas sebak yang ditampalkan pada dinding.



Situasi 1

Kamu dan rakan-rakan sekampung sedang bermain bola sepak. Bola yang kamu tendang terkena pada sebuah motosikal dan cermin sisinya patah.

Contoh Amalan Jujur



Situasi 2

Kamu meminjam jersi Kelab Bola Sepak Tawas Gemilang. Kamu mendapati jersi itu terkoyak ketika memulangkannya.

Cara Menunjukkan Amalan Jujur



Situasi 3

Kamu telah dilantik sebagai Bendahari Kelab Tunas Cemerlang. Kamu diamanahkan untuk menyimpan wang kelab itu.

Keputusan Amalan Jujur



Situasi 4

Kamu lewat menghadiri latihan bola sepak kerana tertidur.

Perasaan Mengamalkan Amalan Jujur



- Nyatakan cara memupuk amalan jujur dalam masyarakat bagi situasi tersebut.
- Jelaskan perasaan kamu ketika mengamalkan sikap jujur dalam situasi tersebut.
- Mengapakah amalan jujur terhadap masyarakat dalam situasi tersebut penting?
- Jika seorang kenalan kamu bersikap tidak jujur terhadap kamu, apakah tindakan kamu?
- Lakonkan situasi yang menunjukkan amalan kejujuran dalam masyarakat.



Bimbing murid melakonkan situasi yang menunjukkan kejujuran terhadap masyarakat.





Tandakan (✓) pada ruangan kosong di bawah bagi menilai tahap kejujuran kamu.

Petunjuk:

1 = Tidak Pernah

2 = Kadangkala

3 = Kerap

Bil.	Pernyataan	1	2	3
1.	Saya tidak menggunakan wang kelab untuk kegunaan sendiri.			
2.	Saya mengaku jika saya menyebabkan sebarang kerosakan ketika menggunakan kemudahan awam.			
3.	Saya bercakap benar jika tidak menghadiri kelas karate di desa saya.			
4.	Saya menyimpan rahsia rakan-rakan sekampung.			
5.	Saya menolong anggota masyarakat secara ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran.			
6.	Saya mengaku jika tidak tahu tentang sesuatu perkara ketika bergaul dengan rakan-rakan.			
7.	Saya memulangkan baki wang yang terlebih apabila berurusan dengan pekedai di kampung.			
8.	Saya bergaul secara ikhlas dengan rakan-rakan di kampung saya.			

Jumlahkan skor yang kamu dapat.

Jumlah skor	Penerangan
17 hingga 24	Tahniah! Kamu seorang yang jujur.
9 hingga 16	Memuaskan! Tingkatkan sikap jujur kamu.
0 hingga 8	Berikan perhatian kepada amalan kejujuran kamu.

Refleksi Kendiri:

.....

.....

JANA
IDEA

UNIT 11





Baca dan fahami.

Taman Suria telah dikurniائي "Anugerah Taman Lestari" oleh majlis perbandaran daerah bersempena dengan Hari Bumi Sedunia. Untuk makluman semua, Taman Suria telah tiga kali memenangi anugerah tersebut. Kejayaan mereka diraih dengan titik peluh semua penduduk taman.



Projek ini dijalankan sepanjang masa mengikut jadual yang disediakan. Setelah projek ini dipergiat, suasana taman kami semakin ceria dan indah.

Bolehkah adik terangkan usaha penduduk kampung dalam Projek Tanam Pokok?



Bagaimanakah Program Kitar Semula dilaksanakan?



Program Kitar Semula dijalankan setiap dua minggu. Antara aktiviti yang diadakan termasuklah mengasingkan bahan buangan yang boleh dikitar semula.

Apakah usaha yang dilakukan oleh penduduk taman sehingga menghasilkan sayur-sayuran yang subur seperti ini?

Kami menanam sayur menggunakan kaedah hidroponik. Kami sentiasa mengawal tanaman daripada serangan serangga perosak. Selain itu, kami juga akan menukar larutan nutrien setiap tujuh hari untuk mengelakkan takungan air menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Bagaimanakah penduduk taman dapat memanfaatkan bahan terpakai yang telah dikumpulkan?

Kelas mencipta bahan inovasi daripada bahan terpakai diadakan pada setiap hari Ahad. Bahan inovasi yang dihasilkan diletakkan di balai raya dan taman permainan untuk kegunaan semua penduduk taman.

- Apakah amalan rajin yang patut kamu tunjukkan bagi menjayakan program kemasyarakatan?
- Jelaskan kepentingan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat.
- Ramalkan kesan pengabaian sikap rajin dalam hidup bermasyarakat.
- Ceritakan pengalaman kamu bersikap rajin dalam hidup bermasyarakat.

11.1
11.2
11.3
11.5

Minta murid mencari berita tentang masyarakat yang bersikap rajin dalam menjayakan sesuatu program dan kongsikannya bersama-sama dengan rakan.





USAHA BERTERUSAN, KEGERIAAN TERPELIHARA

Baca dan fahami catatan.

Kejadian vandalisme di kawasan perumahan saya telah menjejaskan imej taman perumahan. Saya dan penghuni kawasan perumahan membuat keputusan untuk melakukan kerja pemuliharaan secara berkala bagi membaik pulih kemudahan awam yang rosak.

OGOS 20 <input type="checkbox"/>		ISNIN	SELASA	RABU
AHAD				
1	 Berbincang.	2	3	4
		 Memantau keadaan kemudahan awam.	Memantau keadaan kemudahan awam.	
8	 Membantu membaik pulih tandas awam.	9	10	11
			Memantau keadaan kemudahan awam.	
15	 Membersihkan perhentian bas yang diconteng.	16	17	18
			Memantau keadaan kemudahan awam.	
22	 Mencuci tandas awam.	23	24	25
			Memantau keadaan kemudahan awam.	
29	 Melukis mural pada dinding tandas awam.	30	31	
			Memantau keadaan kemudahan awam.	

Vandalisme ialah perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam.
(Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat)



Setelah sebulan berusaha melaksanakan kerja pemuliharaan, kemudahan awam dapat dijaga dengan baiknya. Saya dan penghuni kawasan perumahan berasa bangga kerana sikap rajin yang kami amalkan berjaya membaik pulih kemudahan awam dan mengekalkan keceriaan kawasan perumahan. Kami akan terus memelihara kemudahan awam yang sedia ada demi keselesaan semua.

KHAMIS

JUMAAT

SABTU

5



6

Memantau keadaan kemudahan awam.

7

Membantu membaik pulih peralatan permainan.



12

13

Memantau keadaan kemudahan awam.

14

Menanggalkan pelekat pada papan tanda dan tiang lampu.



19

20

Memantau keadaan kemudahan awam.

21

Mengutip sampah.



26



27

Memantau keadaan kemudahan awam.

28

Membersihkan peralatan permainan.



- Apakah perasaan kamu apabila bersikap rajin dalam menjayakan sesuatu program kemasyarakatan?
- Ceritakan pengalaman kamu bersikap rajin dalam hidup bermasyarakat.
- Pada pendapat kamu, apakah kesannya jika anggota masyarakat mengabaikan amalan bersikap rajin dalam hidup bermasyarakat? Huraikan.





Bincang dan jalankan aktiviti.

Persatuan Kebajikan Orang-orang Istimewa, Segamat, Johor akan mengadakan jualan amal untuk mengumpulkan dana bagi membiayai perbelanjaan persatuan kebajikannya.

Kamu dan rakan-rakan berminat untuk menabur bakti dalam jualan amal tersebut. Setelah berbincang, kamu mengambil keputusan untuk menjual 100 unit sapu tangan berbentuk arnab buatan sendiri.

Ikuti arahan berikut untuk belajar cara membuat sapu tangan berbentuk arnab, menyediakan jadual tugas dan membuat anggaran perbelanjaan bagi menjayakan projek ini.

1 **Alatan dan Bahan**

- Sapu tangan
- Reben kain
- Gelang getah
- Gunting
- Busa EVA
- Gam
- Penebuk lubang

2 **Anggaran Kos Bahan**

Bil.	Bahan	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah Harga
1.	Sapu tangan	helai	RM _____	RM _____
2.	Reben kain	gulung	RM _____	RM _____
3.	Gelang getah	bungkus	RM _____	RM _____
4.	Gam	tiub	RM _____	RM _____
5.	Busa EVA	keping	RM _____	RM _____
6.	Penebuk lubang	buah	RM _____	RM _____
Jumlah Kos Bahan:			RM _____	

Harga modal seunit sapu tangan berbentuk arnab: RM _____
 Harga jualan seunit sapu tangan berbentuk arnab: RM _____
 Tempoh menyiapkan 100 unit sapu tangan berbentuk arnab: _____


3 **Jadual Tugas**

Bil.	Tarikh	Tugasan	Catatan
1.		Membeli dan membandingkan harga bahan.	
2.		Membuat anggaran kos.	
3.		Mengadakan kelas bimbingan membuat sapu tangan berbentuk arnab.	
4.		Membeli bahan.	100 unit
5.		Membuat sapu tangan berbentuk arnab.	_____ unit siap
6.		Membuat sapu tangan berbentuk arnab.	_____ unit siap
7.		Membuat sapu tangan berbentuk arnab.	_____ unit siap
8.		Membungkus sapu tangan berbentuk arnab.	_____ bungkus
9.		Membungkus sapu tangan berbentuk arnab.	_____ bungkus
10.		Menjual sapu tangan berbentuk arnab.	
11.		Menyerahkan keuntungan kepada persatuan kebajikan.	RM _____


1 Lipat.



2 Lipat penjuru untuk menjadi telinga.




3 Lipat dari bahagian bawah ke atas. (3 kali lipatan)



4 Balut telinga dan ikat.



5 Tindihkan dan lipat ke bawah. Kemudian, ikat.



6 Hias.



• Apakah perasaan kamu apabila berjaya menghasilkan 100 unit sapu tangan berbentuk arnab?
 • Huraikan kepentingan bersikap rajin dalam hidup bermasyarakat.

- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Gunakan sapu tangan bersaiz lebih kurang 30 cm x 30 cm.
- Ubah suai bahan mengikut keperluan.
- Layari Internet untuk mencari contoh kraf tangan lain yang boleh dihasilkan dengan sapu tangan atau tuala.





Fahami gambar dan lakukan aktiviti.

SAYA LIHAT, SAYA FIKIR, SAYA BERTANYA
(I SEE, I THINK, I WONDER)

PANDUAN AKTIVITI

1. Tunjukkan gambar yang berbeza kepada setiap kumpulan.
2. Fikirkan situasi yang dilihat dan kaitkannya dengan:
 - Amalan rajin
 - Kepentingan amalan rajin
 - Kesan pengabaian amalan rajin
 - Perasaan apabila bersikap rajin
3. Bincang, tulis dan bentang.
4. Ajukan soalan yang berkaitan dengan gambar kepada pembentang.

Gambar 1



Bagaimanakah kamu dan anggota masyarakat mengekalkan kebersihan tapak pasar malam?

Gambar 2



Bagaimanakah kamu dan anggota masyarakat menyahut kempen kitar semula?

Gambar 3



Apakah usaha yang kamu dan anggota masyarakat boleh lakukan bagi memulihara peralatan di taman permainan?



- Sediakan kad gambar tambahan.
- Minta murid berkongsi pengalaman bersikap rajin dalam hidup bermasyarakat.




PUPUK NILAI

KEMPEN JOM SIHAT

Fahami maklumat.

Yang berikut statistik obesiti dan notis tentang Kempen Jom Sihat di taman perumahan kamu.



Saya obes. Saya cadangkan kita berjoging selama seminggu.

**Notis
Kempen Jom Sihat**

Data menunjukkan bahawa jumlah obesiti dan berisiko obesiti dalam kalangan penduduk amat membimbangkan. Oleh itu, pihak persatuan penduduk melancarkan kempen ini supaya para penduduk dapat mengamalkan cara hidup yang sihat dalam kehidupan harian.

"Makan Sihat, Bergerak Aktif, Cegah Obesiti"

**Jawatankuasa
Persatuan Penduduk Taman Impian Damai**

Oh, seminggu tidak cukup! Kita seharusnya berjoging secara berterusan.

Betul. Selain senaman, pemakanan sihat juga sangat penting.

Mari kita membuat jadual pelaksanaan untuk menyahut kempen ini.

Berdasarkan maklumat, hasilkan jadual senaman yang boleh kamu lakukan bersama-sama dengan penduduk taman.



HARI	AKTIVITI / SENAMAN	TEMPOH
Ahad	Berjoging	1 jam
Isnin		
Selasa		
Rabu		
Khamis		
Jumaat		
Sabtu		

- Senaraikan kepentingan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat.
- Apakah kesannya jika kamu mengabaikan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat?

11.1
11.2
11.3



A. Jawab soalan dan lengkapkannya dengan gambar.

Penyakit kencing tikus ialah penyakit berjangkit disebabkan bakteria *Leptospira* yang disebarkan melalui haiwan. Jika tidak dirawat segera, penyakit ini boleh merebak dan membawa maut. Penyakit ini kerap berlaku di kawasan persekitaran taman perumahan yang tidak bersih.



(Sumber: Diubah suai daripada <https://www.infosihat.gov.my/index.php/multimedia/risalah/item/leptospirosis-penyakit-kencing-tikus>)

1. Senaraikan tiga usaha yang boleh dilakukan untuk membasmi penyakit kencing tikus.

Aktiviti _____

Tampalkan gambar di sini.

Kekerapan _____

Aktiviti _____

Tampalkan gambar di sini.

Kekerapan _____

Aktiviti _____

Tampalkan gambar di sini.

Kekerapan _____

2. Nyatakan kepentingan amalan rajin bagi membasmi penyakit kencing tikus di kawasan perumahan.

JANA
IDEA

UNIT
12





AMALAN KERJASAMA, KEBAIKAN BERSAMA

 Hayati forum.

Persatuan Penduduk Pangsapuri Ara Hijau menganjurkan Pertandingan Forum Amalan Kerjasama bersempena dengan gotong-royong perdana.

Pengerusi

1

Selamat pagi. Saya selaku pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua panel ke forum yang bertajuk "Amalan Kerjasama Kebaikan Bersama dalam Hidup Bermasyarakat". Saudari Sumathi, apakah yang dimaksudkan dengan amalan kerjasama?

Panel I

2

Amalan kerjasama bermaksud perbuatan baik yang dilakukan bersama-sama untuk kebaikan semua.

**PERTANDINGAN
FORUM AMALAN**

**PERSATUAN
PANGSAPURI**

Pengerusi

3

Terima kasih, Saudari Sumathi. Saudari Siew Ting, apakah amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat?

PENGERUSI

PANEL 1

Panel 2

4

Terdapat pelbagai amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. Antaranya termasuklah gotong-royong, karnival sukaneka, sambutan perayaan dan kerja amal.

Pengerusi

5

Betul kata Saudari Siew Ting. Amalan kerjasama ini dapat mengukuhkan semangat perpaduan serta mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat. Saudari Amira, apakah yang akan berlaku sekiranya masyarakat mengabaikan amalan kerjasama?

Panel 3

6

Tuan pengerusi, terdapat segelintir masyarakat yang mengabaikan amalan kerjasama ini. Jika keadaan ini berlanjutan, perhubungan yang erat sesama masyarakat akan berkurangan dan tiada lagi semangat perpaduan.

Pengerusi

7

Bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Masyarakat perlu bersatu padu untuk mengukuhkan amalan kerjasama lagi. Semangat bekerjasama dapat mengekalkan keharmonian bersama. Sekian, terima kasih.

PANEL 2

PANEL 3

- Apakah contoh amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat?
- Mengapakah amalan kerjasama penting dalam hidup bermasyarakat?
- Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan kerjasama dalam hidup bermasyarakat?



MASYARAKAT SEPAKAT, HIDUP BERKAT

Hayati situasi.

Persatuan Penduduk Bandar Saujana mengadakan "Program Dunia Sains" untuk golongan kanak-kanak. Saya, ahli Kelab Anak Muda Bandar Saujana, menjalankan tugas bersama-sama dengan persatuan penduduk untuk menjayakan program ini.

Sebelum program ...

1. Ahli persatuan penduduk bersama-sama dengan sukarelawan program membuat bancian ke setiap rumah untuk mengetahui minat kanak-kanak.
2. Ahli persatuan penduduk dan ahli kelab anak muda mengadakan mesyuarat bersama-sama untuk merancang aktiviti program.
3. Ahli Kelab Anak Muda bekerjasama dengan sukarelawan untuk mengedarkan brosur program.
4. Penduduk setempat membuat persiapan dewan bersama-sama dengan sukarelawan program.

Masyarakat Sepakat, Hidup Berkat



1. Saya bersama-sama dengan ahli jawatankuasa program membantu pendaftaran peserta.
2. Saya bekerjasama dengan ahli jawatankuasa makanan untuk mengagihkan makanan supaya beban kerja mereka dapat dikurangkan.
3. Saya bersama-sama dengan jawatankuasa aktiviti menjalankan sesi pengurusan diri.



Selepas program ...

1. Kami berganding bahu dengan ahli Kelab Anak Muda yang lain membersihkan dewan.
2. Kami bersama-sama dengan kaum wanita menyediakan minuman dan makanan kepada ahli jawatankuasa program.
3. Kami bekerjasama dengan ahli jawatankuasa menghantar borang maklum balas program kepada peserta melalui e-mel.



- Senaraikan contoh amalan kerjasama yang terdapat dalam petikan.
- Mengapakah kamu patut bekerjasama dengan anggota masyarakat untuk menjayakan aktiviti program?
- Apakah yang akan berlaku jika kamu sebagai ahli Kelab Anak Muda mengabaikan amalan kerjasama?


12.1
12.2
12.3

Minta murid menghasilkan Album Mini Kerjasama tentang amalan kerjasama mereka dalam hidup bermasyarakat dan membentangkannya.






KERJASAMA MEMBAWA KESEJAHTERAAN




 Hayati situasi.

Danny Anak Saimin dari Kampung Saloma menerima mesej melalui aplikasi WhatsApp daripada Kawasan Rukun Tetangga mengenai Kempen Kampungku Ceria.







Kamu terlibat dalam program di atas. Rancang aktiviti yang boleh dijalankan bersama-sama dengan masyarakat demi keselesaan bersama.

Taman Permainan Kanak-kanak

1. 
2. 
3. 

Landskap Kampung

1. 
2. 
3. 
4. 

Dewan Orang Ramai

1. 
2. 
3. 
4. 

- Apakah yang akan berlaku jika kamu mengabaikan amalan kerjasama dalam Kempen Kampungku Ceria?
- Apakah perasaan kamu setelah bekerjasama menjayakan Kempen Kampungku Ceria dengan masyarakat setempat yang lain?



KERJASAMA DIPUPUK, TUGASAN SEMPURNA

Mari lakukan aktiviti Pembelajaran Koperatif (Jigsaw).

PANDUAN AKTIVITI

- Empat orang murid membentuk kumpulan A, B, C dan D.
- Berikan nombor kepada setiap murid dalam kumpulan. Contohnya A1, A2, A3 dan A4.
- Murid daripada setiap kumpulan asal dibahagikan dalam empat Kumpulan Pakar (Pakar 1, 2, 3 dan 4).
- Berdasarkan situasi, Kumpulan Pakar berbincang tentang soalan:
 - Cara bekerjasama
 - Kepentingan bekerjasama
 - Kesan pengabaian amalan kerjasama
 - Perasaan berkaitan dengan amalan bekerjasama
- Selepas 15 minit, ahli Kumpulan Pakar masuk ke kumpulan asal masing-masing.
- Terangkan hasil perbincangan dalam Kumpulan Pakar kepada ahli kumpulan asal.
- Guru mengemukakan kuiz berdasarkan soalan yang dibincangkan.
- Ganjaran diberikan kepada murid yang memberikan jawapan yang relevan.

Situasi 1

Beberapa gerai makanan di Kampung Siliau yang terletak di pekarangan bukit musnah dalam kejadian tanah runtuh.

Situasi 2

Laporan yang dikeluarkan oleh Klinik Desa Aman menunjukkan bahawa seramai 80 orang masyarakat di kawasan setempat menghidap penyakit demam denggi.

Situasi 3

Kamu mendapati taman rekreasi awam di kawasan perumahan kamu tidak selamat untuk digunakan kerana banyak peralatan rosak. Laluan pejalan kaki pula dipenuhi dengan semak samun.

Panduan Pembelajaran Koperatif (Jigsaw)

IMBAS SAYA



Minta murid menghasilkan peta minda tentang kesan pengabaian amalan kerjasama untuk situasi di atas. Murid membentangkan jawapan di dalam kelas.

NOTA GURU



AMALAN KERJASAMA ERATKAN HUBUNGAN

Hayati situasi dan lakukan aktiviti.

Penduduk Kampung Bentonia bekerjasama bagi mengusahakan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan menghasilkan kuih-muih yang unik.

Nancy, bolehkah kamu dan rakan-rakan sekampung kamu mempromosikan produk kampung kita ini bersama-sama?

Boleh, tuan penghulu.

DEWAN
KAMPUNG BENTONIA

PUSAT INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA
KAMPUNG BENTONIA

Cara Mempromosikan Kuih-muih Unik Secara Bekerjasama

Mengedarkan risalah bersama-sama rakan sekampung.

Mengapakah kamu patut bekerjasama dalam mempromosikan produk kampung?

Mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat.

Kamu diberi peluang untuk menghasilkan kuih-muih unik bersama-sama dengan rakan kamu dari kawasan setempat. Tunjukkan cara kamu menghasilkan Cheesekut Buah.

Alatan dan Bahan



1

Masukkan keju dan susu segar. Gaulkan ramuan hingga sebati.



2

Celup biskut dalam susu dan susun dalam bekas.



3

Tuang sedikit adunan keju dan ratakan. Ulangi langkah 2 dan 3 untuk setiap lapisan biskut.



4

Hias hidangan dengan buah anggur.



5

Cheesekut Buah yang telah siap.

- Ceritakan pengalaman kamu membuat Cheesekut Buah bersama-sama dengan rakan sekampung.

12.1
12.2
12.5


- Minta murid menghasilkan kuih-muih unik bersama-sama dengan rakan sekelas yang lain mengikut kreativiti.
- Minta murid menceritakan amalan kerjasama semasa menghasilkan kuih-muih unik tersebut.





MARI UJI DIRI

A. Lengkapkan peta minda.



Amalan
kerjasama:

1. _____

Kepentingan
amalan kerjasama:

1. _____
2. _____


Kesan pengabaian
amalan kerjasama:

1. _____
2. _____

Perasaan setelah
bekerjasama:




1. _____
2. _____

B. Hasilkan buku skrap Amalan Kerjasama dalam Hidup Bermasyarakat mengikut kreativiti. Kongsi buku skrap tersebut dengan rakan sekelas yang lain.



JANA
IDEA

UNIT 13





BERSEDERHANA MENJAMIN KEBAHAGIAAN

Baca dan fahami situasi.

Mei Ling dan Vinisha ditugaskan untuk membeli beberapa hadiah untuk memperingati sambutan Hari Keluarga di Taman Melur. Mereka mengamalkan sikap bersederhana dalam tugas yang diberikan.

1 Vinisha, kita patut membeli hadiah dengan harga yang berpatutan. Kita patut berjimat walaupun menggunakan wang kelab.

2 Benar, Mei Ling. Kita sesuaikan harga barangan yang dibeli dengan wang yang diperuntukkan.

3 Pensel warna yang berjenama Bunga Raya ini sesuai untuk dibeli, Vinisha. Harganya pun tidak mahal.

4 Mei Ling, pensel warna jenama Pelangi pun bagus. Walaupun harganya sama tetapi bilangannya lebih banyak.



5 Salam sejahtera, pak cik. Kami hendak membeli hadiah ini untuk Hari Keluarga di taman kami. Mohon berikan diskaun, pak cik.

6 Baiklah, anak-anak. Jangan risau.

- Nyatakan bentuk-bentuk amalan kesederhanaan yang kamu lakukan dalam hidup bermasyarakat.
- Mengapakah kamu patut mengamalkan sikap bersederhana apabila diberi tugas seperti dalam situasi di atas?
- Jelaskan perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap bersederhana dari segi pertuturan, tingkah laku dan penampilan.
- Ceritakan pengalaman kamu mengamalkan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat.



Fahami temu bual di bawah.

Bersempena dengan sambutan Minggu Kesederhanaan, sebuah stesen radio telah memilih Ujang sebagai Ikon Kesederhanaan bagi Kampung Serunai.



Pada pendapat kamu, mengapakah kamu dipilih sebagai Ikon Kesederhanaan, Ujang?


Saya dan rakan-rakan sekampung telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan peralatan pertanian yang menjimatkan kos, masa dan tenaga petani. Mungkin usaha ini menyebabkan saya dipilih sebagai Ikon Kesederhanaan.

Apakah faedah yang kamu peroleh apabila mengamalkan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat?

Amalan kesederhanaan membolehkan saya hidup selesa dalam masyarakat. Saya juga tidak menyinggung perasaan orang lain. Hal ini menjadikan hubungan saya dengan anggota masyarakat lebih erat.


- Apakah bentuk amalan bersederhana lain yang pernah kamu lakukan?
- Jelaskan kepentingan amalan bersederhana di tempat tinggal kamu.
- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat bersederhana terhadap masyarakat.

Guru boleh menyediakan situasi lain untuk dilaksanakan oleh murid.





BERTINDAK SECARA SEDERHANA

 Fahami bicara berirama.



Selamat sejahtera (semua)
Kami mewakili (semua lelaki)
Kelab Remaja Kuala Sepetang (semua perempuan)
Akan mempersembahkan (semua)
Bicara berirama yang bertajuk
Amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat

Hai, kawan-kawan! (1 perempuan)

Marilah kita bersederhana

Bersederhana ... Bagaimana? (1 lelaki)

Bersederhana dalam perlakuan (semua)

Berpada-pada ketika bermain komputer

Mahupun telefon bimbit

Lagi! (1 perempuan)

Bersederhana dalam pemakanan (semua)

Makan ketika lapar

Berhenti sebelum kenyang

Yakah? (1 lelaki)

Bersederhana dalam perbelanjaan (semua)

Berbelanja ikut keperluan

Bukan ikut perasaan

Mengapakah pula? (semua lelaki)

Ikut perasaan binasa badan (semua perempuan)





Wahai, rakan-rakan! (semua)
Marilah kita bersederhana dalam penampilan
Memakai pakaian biarlah bersopan
Budaya masyarakat tidak diabaikan

Ada lagi? (1 lelaki)
Bersederhana dalam pertuturan (semua)
Bertutur biarlah bersopan (semua perempuan)
Dengan yang tua (semua lelaki)
Juga yang muda
Mengapakah perlu bersederhana? (1 lelaki)
Kesederhanaan membawa berkat (semua perempuan)
Emosi dan perasaan dapat dikawal (semua lelaki)
Hubungan mesra sentiasa wujud (semua perempuan)
Kehidupan masyarakat lebih harmoni (semua lelaki)
Oh, begitu! (semua)

Sekian, terima kasih (semua)

Nukilan: Shanmuga Velu a/l Subramanian

IMBAS SAYA



Bertindak
Secara
Sederhana


- Senaraikan bentuk amalan kesederhanaan dalam masyarakat yang terdapat dalam bicara berirama di atas.
- Mengapakah amalan kesederhanaan penting dalam hidup bermasyarakat?
- Jelaskan perasaan kamu apabila dapat mengamalkan kesederhanaan dalam masyarakat.
- Ceritakan cara kamu mengamalkan sikap bersederhana dalam masyarakat.

Bimbing murid untuk melaksanakan bicara berirama ini.





SEDERHANA DALAM PERLAKUAN

 Fahami tinjauan.

Leela dan Shu Wei membuat tinjauan tentang tempat-tempat yang memerlukan sikap sederhana di kawasan kediaman mereka. Mereka mahu membentangkan dapatan tinjauan mereka dalam majlis Hari Keluarga.



Kita patut bersederhana ketika membeli barangan di pasar raya supaya semua orang mendapat bekalan barangan keperluan.

Kita patut berpakaian secara sopan bagi menjamin keselesaan pengguna kemudahan awam yang lain.



Kita patut bersederhana dari segi pertuturan supaya tidak mengganggu peserta lain.

- Pada pendapat kamu, apakah kepentingan mengamalkan sikap bersederhana dalam setiap situasi di atas?
- Apakah perasaan kamu apabila dapat bersederhana dalam hidup bermasyarakat?
- Ceritakan pengalaman kamu mengamalkan kesederhanaan dalam masyarakat.



Fahami situasi dan lengkapkan peta pelbagai alir.

Saya sentiasa memikirkan sebab dan akibat bagi setiap tindakan yang melibatkan hidup bermasyarakat.

Situasi 1

Ibu membenarkan saya untuk bermain di rumah kawan di Kampung Pisang Mas.

Saya tidak mahu dianggap biadab dalam hidup bermasyarakat.

Saya dapat mengeratkan hubungan dengan masyarakat.

Saya mengawal pertuturan saya ketika berada di rumah kawan.

Situasi 2

Menghadiri majlis hari lahir di Dewan Komuniti Taman Permai.

Saya mematuhi amalan pemakaian masyarakat setempat.

Saya dihormati oleh anggota masyarakat yang lain.

Penampilan diri saya tidak keterlaluan dalam masyarakat.

- Nyatakan cara kamu mengamalkan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat.
- Mengapakah amalan kesederhanaan penting dalam hidup bermasyarakat?
- Jelaskan perasaan kamu ketika mengamalkan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat.

13.1
13.2
13.3
13.4

Sediakan beberapa situasi yang menunjukkan amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat dan minta murid membincangkan sebab dan akibatnya.





Mari lakukan aktiviti.

Teck Seng dan Kumar sering menggunakan kemudahan yang disediakan di Pusat Internet Desa, Kampung Bunga Raya. Mereka mendapati pusat itu memerlukan beberapa tong sampah. Sebagai pengguna yang mengamalkan sikap bersederhana, mereka telah membuat beberapa tong sampah daripada bahan buangan untuk kegunaan pusat itu.

Cara Membuat Tong Sampah Kertas

1 Potong kadbod daripada kotak terpakai.

3 Sambung kadbod dengan pelekat kertas.

4 Balut kedua-dua bahagian kadbod dengan kertas warna.

2 Sediakan peralatan dan kertas kadbod mengikut saiz yang ditunjukkan.

5 Sambung kedua-dua hujung kadbod dengan gam.

6 Tutup bahagian bawah.



7 Lekatkan kayu penyambung menggunakan gam.



8 Gamkan pemegang penutup pada kayu penyambung.



9 Hias tong sampah yang sudah siap dihasilkan.

PUSAT INTERNET DESA



- Apakah faedah yang kamu peroleh apabila mengamalkan sikap bersederhana dalam masyarakat?
- Nyatakan perasaan kamu setelah menyiapkan tong sampah daripada bahan buangan.
- Perihalkan pengalaman kamu mengamalkan sikap bersederhana dalam masyarakat.


Galakkan murid menghasilkan peralatan lain yang dapat digunakan di dalam kelas.





MARI UJI DIRI

Lengkapkan ayat dan isi silang kata di bawah.



Menegak

- 1 _____ yang sederhana dapat mengelakkan perasaan tersinggung.
- 3 Saya _____ perbelanjaan supaya tidak boros.
- 4 Saya akan sentiasa memastikan _____ diri tidak keterlaluan.
- 6 Bermain komputer dalam tempoh masa yang lama merupakan _____ yang keterlaluan.
- 9 Kita akan berasa _____ kerana mengambil tindakan yang sederhana.


Melintang

- 2 Saya _____ demi masa depan.
- 5 Kesederhanaan membolehkan _____ dalam kalangan rakyat berbilang kaum menjadi erat.
- 7 Kesederhanaan mengajar seseorang membuat _____ yang wajar dalam semua situasi.
- 8 Berkomunikasi secara _____ menaikkan nama baik diri dalam kalangan masyarakat.
- 10 Amalan kesederhanaan melahirkan anggota _____ yang mesra.

UNIT 14

JANA IDEA

PENDAFTARAN





BERTOLERANSI MEMBAWA KESEJAHTERAAN

Fahami situasi.

Kumar dan rakan-rakannya telah menempah gelanggang permainan di Kampung Matang untuk mengadakan latihan sepak takraw.

Mengapakah kita tidak boleh menggunakannya? Bukankah kita telah menempah gelanggang tersebut lebih awal?

DEWAN
SERBA GUNA

Kawan-kawan, kita tidak boleh menggunakan gelanggang permainan pada Sabtu ini.

Saya pun tidak pasti, Steven. Encik Hamid ingin berjumpa dengan kita untuk membincangkan masalah ini.

Selamat pagi, Encik Hamid.

Mengapakah kami tidak dibenarkan menggunakan gelanggang ini, Encik Hamid?


Selamat pagi, Kumar, Jidin dan Steven.

Semalam saya menerima panggilan telefon daripada ketua kampung. Beliau menyatakan bahawa klinik kesihatan akan mengadakan kem pemeriksaan kesihatan di dewan ini pada hari Sabtu. Beliau juga meminta saya berbincang dengan kamu untuk memberikan laluan kepada program itu.

Kami telah membuat tempahan lebih awal, Encik Hamid. Lagipun, kami perlu membuat persediaan untuk perlawanan tidak lama lagi.



Saya faham akan perasaan kamu. Program ini melibatkan seluruh masyarakat kampung ini. Saya berharap agar kamu bertolak ansur dalam hal ini.



Saya cadangkan kita tunda latihan tersebut pada minggu hadapan.



Saya bersetuju. Kita patut mengutamakan masyarakat.



Saya bangga dengan sikap toleransi kamu semua. Amalan ini akan meningkatkan semangat hidup bermasyarakat. Terima kasih.

Sama-sama, Encik Hamid.

- Senaraikan amalan bertoleransi yang boleh kamu amalkan dalam hidup bermasyarakat.
- Mengapakah kamu perlu mengamalkan sikap bertoleransi dalam hidup bermasyarakat?
- Apakah kesan pengabaian amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat?
- Nyatakan perasaan kamu apabila dapat bertoleransi dalam masyarakat.

14.1
14.2
14.3
14.4

Bimbing murid untuk main peranan bagi situasi yang memerlukan amalan toleransi dalam masyarakat.





BERTOLAK ANSUR KEBAJIKAN DIUTAMAKAN

Baca dan fahami cerita.

f Cari

Mei Ling

Pada suatu hari, saya dan ibu menaiki Transit Aliran Ringan (LRT) ke pusat bandar. Ibu menyuruh saya duduk di zon keutamaan kerana terdapat satu tempat kosong di situ. Tempat di sebelah saya diduduki oleh seorang pemuda yang umurnya dalam lingkungan 20-an.

Tidak lama kemudian, ramai penumpang mula memenuhi gerabak tersebut. Seorang datuk yang bongkok dan bertongkat berdiri di hadapan saya.

"Perluakah saya bangun untuk memberikan tempat duduk kepada datuk ini?" bisik hati saya dalam dilema.

Saya memandang pemuda di sebelah saya tetapi dia tidak mempedulikannya. Dia terus memejamkan mata. Saya sangat marah tetapi saya cuba mengawal diri.

Kemudian, saya terus bangun untuk memberikan tempat duduk saya kepada datuk itu.

Saya sedar amalan bertoleransi dapat mewujudkan suasana yang harmoni dalam hidup bermasyarakat.



- Berikan contoh amalan toleransi lain dalam hidup bermasyarakat.
- Apakah perasaan kamu apabila dapat bertoleransi dengan anggota masyarakat?



- Minta murid menerangkan zon keutamaan yang terdapat dalam pengangkutan awam.
- Minta murid menceritakan pengalaman mereka bertolak ansur ketika menggunakan kemudahan awam.



BERTOLERANSI MEMBENTUK PERPADUAN

Hayati kolum coretan masyarakat dalam *Surat Khabar Suria*.

SURAT KHABAR SURIA

ISNIN
13 September 20□□

CORETAN MASYARAKAT

Semasa di dalam bas awam, saya ke barisan hadapan untuk duduk kerana memudahkan saya turun di perhentian seterusnya. Seorang nenek meletakkan beg besarnya di kerusi itu kerana ruang untuk meletakkan beg telah penuh.

- Joe

Terdapat sebuah komputer sahaja di pusat komputer desa. Saya hendak mencari bahan Pendidikan Moral, manakala kawan saya, Teoh, hendak menghantar permohonan secara dalam talian untuk bengkel Matematik.

- Mithran

Saya mengikut ayah ke kedai runcit. Selepas membeli barang, saya mendapati kereta ayah, yang berada di dalam kawasan tempat letak kenderaan, dihalang oleh kereta lain. Saya pula kesuntukan masa untuk menghadiri kelas tuisyen.

- Huda

Saya menyertai latihan badminton di dewan serba guna. Pada waktu rehat, pemain sepasukan mencuba raket baharu saya. Ketika bermain, raket saya bergeser dengan permukaan lantai dan bercalar di bahagian atas.

- Felina

- Bagaimanakah kamu menyelesaikan situasi di atas dalam hidup bermasyarakat?
- Apakah yang akan berlaku jika kamu mengabaikan amalan toleransi dalam situasi di atas?
- Berdasarkan situasi, lakonkan cara kamu bersikap toleransi dalam hidup bermasyarakat.



Minta murid menulis catatan diari mengenai sikap bertoleransi mereka dalam hidup bermasyarakat.





BERTOLERANSI ELAKKAN SENGKETA

Jalankan aktiviti dan lengkapkan peta minda.

Fikir-Pasang-Kongsi
(Think-Pair-Share)
PANDUAN AKTIVITI


1. Murid membentuk kumpulan.
2. Situasi dikemukakan kepada ahli kumpulan.
3. Berdasarkan situasi, lengkapkan peta minda.
4. Bincangkan jawapan dengan ahli kumpulan yang lain secara berpasangan.
5. Kongsi jawapan dengan rakan-rakan.
6. Bentangkan.

Kamu hendak memesan makanan. Seorang nenek yang mendukung cucunya memotong barisan kamu dengan alasan cucunya sangat lapar. Kamu pula mengejar masa kerana ada ujian piano.

Kamu hendak meminjam buku ensiklopedia di perpustakaan awam untuk menyiapkan tugas yang hendak dihantar pada hari esok. Seorang rakan sekampung juga memerlukan buku ensiklopedia itu untuk menyiapkan tugas.

Ibu menemani kamu ke klinik gigi kerana mengalami sakit gigi yang teruk. Kamu hendak menaiki teksi untuk ke klinik. Seorang wanita juga hendak menaiki teksi yang sama kerana mengejar masa ke lapangan terbang.





- Amalan bertoleransi dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat. Huraikan.
- Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan amalan bertoleransi dalam hidup bermasyarakat?



14.1
14.2
14.3
14.4

Sediakan kad situasi tambahan jika perlu.



NOTA
GURU



PERMAINAN EJEN TOLERANSI 5.0



Mari bermain.

PANDUAN AKTIVITI

1. Murid membentuk tiga kumpulan.
2. Guru memilih murid untuk watak Ejen Zima, Ejen Bero dan Ejen Niko.
3. Ejen berdiri di hadapan kelas.
4. Dalam kumpulan, murid memahami situasi dalam Kad Misi dan memilih ejen untuk menyelesaikan misi kumpulan.
5. Catat jawapan ejen pada kertas sebak.
6. Tampilkan hasil perbincangan di sekeliling kelas.
7. Lakukan aktiviti Jalan Galeri.



Ejen Zima



Ejen Bero



Ejen Niko



Dalam kumpulan, hasilkan kata-kata sorakan kumpulan untuk dilafazkan selepas ejen menyelesaikan misi kumpulan.

Bertolak ansur, asas kebahagiaan masyarakat

Sikap kawal diri, mengelakkan _____

Kesabaran _____

Bagi setiap misi:

- Nyatakan amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat.
- Mengapakah kamu patut bertoleransi?

MISI 1

Semasa kamu berbual menggunakan telefon bimbit di taman rekreasi, telefon kamu terjatuh kerana dilanggar oleh kanak-kanak yang sedang berlari.



MISI 2

Di pasar awam, tempat ibu menjual nasi lemak telah diambil oleh seorang nenek. Pada masa yang sama, beliau sudah memulakan jualan kuih-muihnya.



MISI 3

Kamu sedang menunggu untuk meletakkan basikal di tempat letak basikal gimnasium desa. Tiba-tiba ada orang lain masuk ke tempat letak basikal tersebut.



- Apakah perasaan kamu apabila dapat mengamalkan sikap bertoleransi dalam misi di atas?

14.1
14.2
14.3
14.4
14.5

- Minta murid melakonkan cara bersikap toleransi dalam hidup bermasyarakat berdasarkan misi di atas.
- Hasilkan misi lain jika perlu.





A. Jawab soalan.



Kamu ke perpustakaan desa untuk mencari buku cerita bagi menyiapkan tugas Bahasa Melayu. Semasa di sudut Buku Cerita Baharu, seorang budak perempuan sedang memilih buku cerita dengan agak lama. Budak perempuan tersebut tidak memberikan peluang kepada kamu untuk memilih buku. Kamu menunggu dengan agak lama untuk memilih buku.

1. Jelaskan tindakan toleransi kamu berdasarkan situasi di atas.

2. Apakah yang akan berlaku jika kamu tidak bertoleransi dalam situasi di atas?

3. **“Masyarakat yang bersikap sabar tidak menimbulkan perselisihan faham dalam hidup bermasyarakat”.**

Bincangkan ayat tersebut dan kaitkannya dengan situasi di atas.



B. Mari lakukan aktiviti Penilaian Kendiri.

1. Tulis e-mel tentang sikap bertoleransi kamu dalam hidup bermasyarakat berserta dengan lampiran gambar.



2. Hantar e-mel yang telah lengkap kepada guru Pendidikan Moral kamu.
